

Mhi
Sejak 1982

MELAKA HARIINI

Menyambut Ulang Tahun Ke-40



ملاک هاری این



Dapatkan e-paper
MHI di sini



Permulaan M-WEZ

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali ketika simbolik pelancaran Blueprint M-WEZ sempena Perhimpunan Bulanan Kerajaan Negeri Melaka di Seri Negeri.

Foto Iqmal Haqim Rosman • [Lihat muka 2](#)



Eksklusif
MHI

Evolusi 19 tahun MBMB

4,5&6

SILA IMBAS UNTUK BORANG PERMOHONAN

JOM MASUK KAQSA

KOLEJ AL-QURAN SAYYIDINA ALI (KAQSA)

PENGAMBILAN PELAJAR BAHRU DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN DAN QIRAAAT

Satu Satunya IPTA Tahfiz Di Bawah Kerajaan Negeri Melaka

Dermasiswa TAPEM disediakan (Bagi yang berkelayakan)

Hubungi kami : 013 202 8443 / 06-231 4240

Permohonan kemasukan akan dibuka pada 22 Mac - 23 Mei 2022

Perbadanan M-WEZ mula beroperasi 15 April

Farah Suhaidah Othman

SERI NEGERI - Perbadanan Zon Ekonomi Persisiran Pantai Melaka (M-WEZ) yang memulakan operasi rasmi pada 15 April mengukuhkan lagi strategi dan perancangan kerajaan negeri untuk terus melanjukkan ekonomi Melaka.

Peningkatan jumlah pelaburan membawa kepesatan ekonomi dan pertambahan peluang pekerjaan secara tidak langsung bakal memberikan pulangan kepada rakyat negeri ini dalam tempoh jangka panjang dan pendek.

Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata penubuhan perbadanan itu diluluskan pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) 22 Sept tahun lalu melalui Enakmen Perbadanan Zon



SULAIMAN mengadakan lawatan ke ruang pameran galeri M-WEZ sempena Perhimpunan Bulanan Kerajaan Negeri Melaka di Auditorium Seri Negeri. Foto Iqmal Haqim Rosman

Ekonomi Persisiran Pantai Melaka 2021.

Sulaiman berkata, perbadanan itu bertindak sebagai sebuah badan khas yang mengawal dan menyelaras segala bentuk pembangunan serta mempromosi kawasan M-WEZ.

"Segala permohonan mahupun pembangunan akan dikawal selia oleh pihak berkuasanya iaitu M-WEZ Corporation (Perbadanan M-WEZ) supaya ia boleh mempercepatkan dan meningkatkan segala pembangunan yang dirancang seperti terkandung dalam Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Perhimpunan Bulanan Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka bagi bulan April 2022 dan Pelancaran Blueprint M-WEZ

di sini, 11 April lalu.

Hadir sama Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Zaidi Johari dan Ketua Pegawai Eksekutif M-WEZ, Mohd Yusof Abu Bakar.

Mengulas lanjut, Sulaiman berkata, setakat ini M-WEZ mempunyai 15 kakitangan dan menjalankan operasi di Blok Lakshmana, Seri Negeri.

"Dengan penubuhan agensi itu, pelbagai perancangan strategik dan usaha promosi M-WEZ sedang giat dirancang untuk dijayakan secara bersama dengan semua pemegang taruh.

"Saya mengharapkan kepada semua pihak yang terlibat dapat memainkan peranan penting dalam menjayakan M-WEZ Malaysia yang sekali gus menjadi 'economy enabler' bagi negeri Melaka," katanya.

'Blueprint' M-WEZ rujukan utama semua jabatan, agensi Melaka

SERI NEGERI - Laporan 'Blueprint' Zon Ekonomi Persisiran Pantai Melaka (M-WEZ) akan digunakan di peringkat pihak berkuasa negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT), jabatan dan agensi kerajaan berkaitan sebagai rujukan utama pembangunan projek baharu.

Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, penyediaan Blueprint M-WEZ merupakan kerangka hala tuju strategik dalam menarik pelaburan dan pembangunan masa depan.

Katanya, Blueprint itu merangkumi strategi pembangunan ekonomi, fizikal dan sosial selaras dengan Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 di bawah Flagship 1: Pembangunan Ekonomi - Melaka.

"Selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) bil 5/2022 yang bersidang pada 16 Feb lalu,

pihak kerajaan negeri telah bersetuju agar laporan Blueprint ini digunakan di peringkat pihak berkuasa negeri, PBT, jabatan dan agensi kerajaan yang terlibat secara langsung di dalam koridor M-WEZ Melaka.

"Ia akan dijadikan sebagai rujukan utama kelulusan pemajuan pembangunan dan perintis pelaburan di samping menjadi asas permohonan peruntukan projek-projek baharu di bawah Rancangan Malaysia (RMK).

"Ini bermakna sebarang bentuk pembangunan yang terdapat dalam M-WEZ mesti diterima pakai sekalian dengan apa jua bentuk permohonan M-WEZ.

"Kalau ada perkara yang hendak dibangunkan ia tidak lagi dalam peringkat jawatankuasa teknikal sebaliknya Blueprint ini digunakan bagi menyelaras semua pem-

bangunan," katanya

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan Majlis Bulanan Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka bagi bulan April 2022 dan Pelancaran Blueprint M-WEZ di sini, 11 April lalu.

Hadir sama Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Zaidi Johari dan Ketua Pegawai Eksekutif M-WEZ, Mohd Yusof Abu Bakar.

Mengulas lanjut, Sulaiman berkata pembangunan M-WEZ itu menyasarkan lima peratus kenaikan pada kadar Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

"Oleh itu, dalam persaingan pembangunan di dunia, negeri ini perlu menggunakan strategi baru untuk memacu pembangunan ekonomi dan mewujudkan kawasan pertumbuhan baharu yang lebih inklusif dan lestari.

"Dengan itu, pembangunan M-WEZ ini dirancang untuk menjadi perubah rentak bagi ekonomi Melaka selaras dengan tonggak utama di dalam Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035," katanya.

Infografik Kepentingan projek M-WEZ kepada Melaka



- » Tingkat KDNK dari RM43 bilion kepada RM92 bilion menjelang tahun 2035
- » Buka 75,000 peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor
- » Tingkat kedatangan pelancong
- » Rangkaian pengangkutan dan destinasi maritim
- » Kukuh ekonomi Melaka dan pelan digital negeri
- » Menjadi koridor ekonomi baharu



JURUTERA M-WEZ, Nik Muhammad Izzat Azhar berbincang bersama Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa, Nor Amira Mistar di pejabat Majlis Pembangunan Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ) di Seri Negeri. Foto Iqmal Haqim Rosman

WAKTU SOLAT

18 April- 24 April 2022 (16 Ramadan - 22 Ramadan 1443H)

| | SUBUH | SYURUK | ZOHOR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---------------|--------|--------|--------|--------|---------|--------|
| 18 April 2022 | 5.57am | 7.06am | 1.13pm | 4.26pm | 7.17pm | 8.27pm |
| 19 April 2022 | 5.56am | 7.05am | 1.13pm | 4.27pm | 7.17pm | 8.27pm |
| 20 April 2022 | 5.56am | 7.05am | 1.13pm | 4.27pm | 7.17pm | 8.27pm |
| 21 April 2022 | 5.56am | 7.05am | 1.12pm | 4.27pm | 7.17pm | 8.27pm |
| 22 April 2022 | 5.55am | 7.05am | 1.12pm | 4.27pm | 7.17pm | 8.27pm |
| 23 April 2022 | 5.55am | 7.04am | 1.12pm | 4.28pm | 7.16pm | 8.27pm |
| 24 April 2022 | 5.55am | 7.04am | 1.12pm | 4.28pm | 7.16pm | 8.27pm |

Tun Mohd Ali kurnia D.M.S.M kepada Presiden DMDI Bosnia

Faiz Hasan

SERI NEGERI – Presiden Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) Bosnia, Amir Bukvic menerima penganugerahan Darjah Mulia Seri Melaka (D.M.S.M.) yang membawa gelaran Datuk, dalam Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran Negeri Melaka (Sesi Khas), 13 April lalu.

Penganugerahan itu telah disempurnakan oleh Yang di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam di pejabatnya.

Amir berusia 49 tahun penerima tunggal dalam penganugerahan sesi khas itu, antara penggerak utama DMDI sejak 22 tahun lalu bersama kepimpinan Tun Mohd Ali.

Beliau yang berpen-



TUN Mohd Ali menganugerahkan Darjah Mulia Seri Melaka (D.M.S.M.) kepada Presiden Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) Bosnia, Amir Bukvic. Hadir sama, Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali. Foto: Mohd Azren Jamaludin

didikan Sarjana Muda Perhubungan Antarabangsa Universiti Islam Antarabangsa Malaysia telah melanjutkan pelajarannya dalam bidang Sarjana Seni dalam Perhubungan Antarabangsa di Universitiy Antarabangsa Jepun.

Kepakaran selain sumbangan Amir dalam perhubungan pelaburan dan perniagaan antara Malaysia serta Eropah Tenggara melayukkan beliau dianugerahkan gelaran itu.

Pengurus Besar Bosnia Bank itu kini merupakan seorang Ketua Pengarah Islamic Development Bank yang berpusat di Jeddah.

Hadir sama menyaksikan penganugerahan itu adalah Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali dan kenamaan lain.

Penjawat awam dilarang terima pingat, darjah kebesaran tak diiktiraf

Liana Sahabudin

SERI NEGERI – Kerajaan negeri melarang manajeran penjawat awam di negeri ini daripada menerima pingat atau darjah kebesaran daripada pihak yang tidak diiktiraf.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, kerajaan negeri sendiri menganugerahkan pingat dan darjah kebesaran kepada penjawat awam setiap tahun.

"Kita ada pingat dan darjah kebesaran pada se-

tiap tahun, ini adalah darjah atau pingat yang diluluskan oleh kerajaan negeri.

"Pihak-pihak yang tidak diiktiraf ini banyak, negeri selain daripada Melaka ini pun ada, kita tahu cuma tidak perlu saya sebutkan di mana."

"Kita tak mahu ini berlaku, biarlah pingat atau darjah diterima diiktiraf pihak kerajaan negeri atau mana-mana kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Perhimpunan Bulanan

Pentadbiran Kerajaan Negeri Bulan April 2022 di Auditorium Seri Negeri di sini, 11 April lalu.

Sulaiman berkata, sejak ini di Melaka belum ada kes penjawat awam menerima pingat atau darjah kebesaran yang tidak diiktiraf kerajaan negeri.

"Setakat ini belum ada lagi, cuma kita mengingatkan sebelum kepada penjawat awam, kita ada yang diluluskan (diiktiraf) kenapa mahu ambil yang tidak diluluskan," katanya.



SULAIMAN berucap pada Perhimpunan Bulanan Pentadbiran Kerajaan Negeri Bulan April 2022 di Auditorium Seri Negeri. Foto Iqmal Haqim Rosman

Kebersihan Melaka perlu nombor 1 - Sulaiman

SERI NEGERI – Melaka perlu menjadi negeri bersih sekali gus kekal juara pada setiap pertandingan kebersihan dan kecantikan dianjurkan di pelbagai peringkat di negara ini.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, aspek diberikan perhatian adalah termasuk penjagaan landskap dan jalan seperti dilaksanakan sebelum ini.

"Bermula 1 April lalu Melaka menerima kunjungan pelancong domestik dan luar negara, berikutan itu saya mahu kebersihan dititikberatkan."

"Perlukekalkan dan Melaka perlu menjadi tempat pertama pada setiap pertandingan kebersihan dan kecantikan di negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Perhimpunan Bulanan Pentadbiran Kerajaan Negeri Bulan April 2022 di Auditorium Seri Negeri di sini, 11 April lalu.

Hadir sama Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Zaidi Johari; barisan EXCO Kerajaan Negeri dan lain-lain kenamaan.

Dalam pada itu, Sulaiman turut mengingatkan Pihak Berkusa Tempatan (PBT) agar meningkatkan lagi tahap kebersihan di seluruh negeri Melaka.

"Sebab itu landskap dan jalan-jalan yang cantik serta bersih di negeri ini terus menjadi rujukan pelbagai pihak daripada seluruh negara," katanya.



BOT Melaka River Cruise menyusuri di Muara Sungai Melaka dengan pemandangan Bangunan yang diiktiraf sebagai Bandaraya Warisan Dunia UNESCO. Foto: MR. AZLI

19 tahun, MBMB terus unggul

Mohamad Fazrul Abdul Majid

TANGGAL 15 April menjadi detik bersejarah buat Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) yang diwujudkan sebaik sahaja Melaka dinaik taraf menjadi sebuah bandaraya pada tahun 2003.

Pelbagai onak ranau dilalui demi pembangunan dan kemajuan warga bandaraya Melaka dan akhirnya tahun ini bandaraya itu menyambut ulang tahun ke-19.

Berikut wawancara Melaka Hari Ini bersama Datuk Bandar MBMB Datuk Zainal Abu berkongsi cerita dan perancangan masa depan untuk terus memacu Bandaraya Melaka ke arah kegemilangan.

1. Tahniah kepada MBMB di atas sambutan ulang tahun ke-19 Melaka Bandaraya Bersejarah pada 15 April ini. Boleh Datuk ceritakan serba sedikit bagaimana MBMB menjalani transformasi sejak awal ditubuhkan sehingga sekarang?

** Tahun 2022 ini menyaksikan selama 19 tahun MBMB telah menggalas status sebagai sebuah bandaraya. Dikenali sebagai Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah (MPMBB) pada 1989 dengan kawasan pentadbiran seluas 303 kilometer (km) persegi,

Kejayaan diraih MBMB:

1. Green Apple Award 2013 For The Built Environment And Architectural Heritage - 2013

2. Anugerah Bandaraya Persekutuan Lestari ASEAN (Asean Environmentally Sustainable Cities (Esc) Award) - 2014

3. Anugerah Kecemerlangan Perancangan 2016 Bagi Kategori Penyediaan Ruang Awam Bandar Raya Untuk Sungai Melaka (Malaysian Institute Of Planners Planning Excellence Award 2016 (Place Making & Public Space Category) - 2016

4. Anugerah Inovasi Perdana Menteri - 2016

5. 100 Resilient Cities ANTARABANGSA - 2016

6. Anugerah "Clean Air For Small Cities" - 2017

7. Anugerah "Green Apple Award For The Built Environment & Heritage" - 2017

8. WWF'S One Planet City Challenge National Winner Of Malaysia - 2018

9. ASEAN Clean Tourist City Standard - 2019

10. Anugerah Gold Class 2 Award - 2020

11. Grand Winner Of Jean-Paul L'allier Prize For Heritage Of The Organization Of World Heritage Cities (OWHC) - 2021

12. Tempat Ke 6 Pertandingan Inovasi MALA 2020 Piala Inovasi YB Menteri KPKT (Projek: Sistem Penjalan Kaki Automatik- Sipka) - 2021

13. Anugerah Khas Juri Negeri Melaka Tahun 2021 Bagi Projek Sistem Pejalanan Kaki Automatik (SiPKA) Sempena Majlis Anugerah Projek/Program Terbaik dan Anugerah Kajian Penilaian Outcome Terbaik Negeri Melaka - 2022

14. Diamond Recognition Bagi 4 Elemen: Tenaga, Air, Sisa dan Kehijauan - 2022



ZAINAL melihat pembangunan Bandaraya Melaka di bawah MBMB.

ia kemudiannya dinaik taraf menjadi Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) pada 15 April 2003. Pada 2010, kerajaan negeri telah mewujudkan satu lagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) menjadikan kawasan pentadbiran MBMB berkurangan menjadi 270.39 km persegi.

Sepanjang tempoh itu, Bandaraya Melaka melalui pelbagai transformasi sehingga-

lah satu sejarah tercipta pada 7 Jul 2008 apabila Melaka diiktiraf tapak warisan dunia oleh UNESCO yang mana tapak tersebut terletak di dalam kawasan MBMB.

Semestinya, dalam mengorak langkah ini, pelbagai cabaran telah diharungi demi memastikan perkhidmatan yang terbaik bagi penduduk Bandaraya Melaka khususnya dan 'stakeholder' secara amnya. Ekspresi warga bandaraya kini semakin

mencabar dan sentiasa memerlukan perkhidmatan yang lebih cekap, efisien dan proaktif.

Namun, sepanjang tempoh ini, pelbagai kejayaan telah berjaya diraih hasil sumbang seluruh warga bandaraya Melaka yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam memastikan Bandaraya Melaka terus lestari, mampan, selamat dan sejahtera.

● Lihat muka 5

Zainal, 'adiwira' pembangunan Bandaraya Melaka



ZAINAL

AYER KEROH - Dari luaran ramai yang menganggap figura bernama Datuk Zainal Abu sebagai seorang yang tegas, namun disebaliknya tersimpan satu kelembutan yang mungkin tidak diketahui ramai.

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) itu tidak menafikan karakter itu membuatkan ramai yang seolah-olah takut kepadaanya.

Namun, katanya, ketegasan itu hanyalah bersandar kepada tanggungjawabnya sebagai seorang pemimpin yang komited terhadap tugas dan organisasi yang mana beliau tidak akan sesekali berselingkuh dalam melontarkan pandangan, cadangan atau teguran.

Menurutnya, ketegasan itu tidak sama sekali membuatkannya dijadikan musuh oleh sesiapa kerana sepanjang kariernya bersama kerajaan negeri, aspek kebajikan adalah perkara nombor satu yang akan dititikberatkan.

"Saya seorang yang komited yang mana saya mempunyai 'sense of worries' dan 'sense of belonging' yang tinggi. Saya berani buat teguran demi kebaikan sesebuah organisasi."

"Tetapi ia tidak menjadikan saya seorang ketua yang hanya tahu mengarah, sebaliknya di manajua organisasi, saya lebih pentingkan semangat organisasi dan yang paling utama ialah kebajikan pekerja di bawah saya," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Bercerita tentang perjalanan kariernya, Zainal berkata kerjaya awalnya bermula bersama Yayasan Melaka sebaik menamatkan pengajian dalam Sarjana Muda Kejuruteraan Awam di Universiti Teknologi Malaysia Jalan Semarak, Kuala Lumpur.

Ketika berusia 26 tahun, beliau dilantik sebagai Pegawai Projek Khas sebelum menjadi jurutera awam dan pengurus projek di Yayasan Melaka.

Beliau kemudiannya mencipta sejarah menjadi antara ketua jabatan termuda di Melaka apabila dilantik memangku jawatan Pengurus Besar Yayasan Melaka pada usia 35 tahun, sebelum dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Melaka Berhad (KMB) setahun selepas itu.

Selepas enam tahun di KMB, beliau kemudiannya dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) selama empat tahun dan pada usia 47 tahun beliau memulakan tugas sebagai Datuk Bandar MBMB.

"Saya dilantik sebagai Datuk Bandar ketiga MBMB selama

empat tahun dan selepas itu saya tidak menyambung khidmat pada Dis 2014 sehingga pada April 2020, saya kembali dilantik menjawat jawatan berkenaan, sekali gus menjadikan tempoh perkhidmatan saya bersama MBMB sudah menjangkau lebih enam tahun dan menjadi antara yang paling lama memegang jawatan berkenaan.

"Sepanjang bergelar Datuk Bandar pelbagai cabaran, pahit manis yang saya alui, tetapi yang paling membanggakan ialah apabila MBMB memenangi beberapa anugerah terutamanya anugerah inisiatif hijau yang menjadikan MBMB antara PBT terawal mempraktikkan amalan hijau di Malaysia."

"MBMB turut cemerlang meraih Grand Winner Of Jean-Paul L'allier Prize For Heritage iaitu anugerah terbaik bercirikan warisan menerusi inisiatif mengekalkan ciri-ciri warisan kepada pelancong."

"Selain itu, saya juga tidak dapat menyembunyikan perasaan bangga apabila MBMB bersama tiga lagi PBT memacu Melaka untuk diiktiraf menjadi negeri paling bahagia di Malaysia," katanya.

Ditanya mengenai kerjaya pilihan sekiranya tidak bergelar Datuk Bandar, Zainal berkata, beliau mungkin akan memasuki bidang hartanah sebagai pemaju perumahan berdasarkan pengalaman luas yang dimilikinya sebelum ini.

"Ketika di Yayasan Melaka sebagai jurutera awam dan mengelui unit perumahan, saya menjadi individu pertama mencadangkan agar agensi itu melaksana projek perumahan sendiri."

"Pada waktu itu, saya telah mengetuai tiga projek perumahan di Melaka iaitu Taman Bertam Jaya, Taman Seri Duyong Seksyen 1 dan Taman Pokok Mangga yang mana projek itu berjaya dan memberi keuntungan kepada Yayasan Melaka. Jadi, bersandarkan pengalaman itu, saya yakin bahawa saya boleh menjadi pemaju andainya tidak bergelar Datuk Bandar," katanya.

Selain itu, beliau juga mempunyai kecintaan yang tinggi dalam bidang sukan khususnya badminton.

Ini kerana suatu ketika dahulu beliau pernah terkenal sebagai seorang jaguh badminton Melaka sehingga namanya pernah tercatat sebagai Juara Badminton Melayu Melaka ketika usia belasan tahun.

Malah, sehingga kini badminton masih menjadi sukan kegemarannya selain golf dan memancing.

● Dari muka 4

2. MBMB hampir memasuki dua dekad penubuhannya, apakah antara fokus dan hala tuju MBMB sepanjang tahun ini dan tahun-tahun mendatang?

** Tahun 2022 MBMB telah mengunjurkan peruntukan sejumlah RM38 juta untuk belanja mengurus melibatkan sebanyak 68 buah projek di dalam kawasan pentadbiran MBMB. Antaranya kerja-kerja pembaikan infrastruktur, pembaikan cerun, sistem perparitan khas buat penduduk warga bandaraya. Bagi menambahbaik peluang perniagaan, MBMB juga telah merangka kerja-kerja baik pulih medan selera, gerai, tandas awam serta pembinaan fasiliti baharu seperti gelanggang untuk kegunaan awam. Mudah-mudahan dengan perancangan projek yang telah disenaraikan bagi tahun 2022 akan membantu merancakkan lagi sektor ekonomi khususnya golongan peniaga dan penjaja kecil.

Sebagai sebuah PBT, hubungan bersinergi dengan semua agensi kerajaan, sektor swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat mestilah diperkasakan. Justeru, sempena sambutan ulang tahun ini, pelbagai program-program libat urus seperti Program 'Town Hall' bersama pihak berkepentingan terus diperkuahkan agar hubungan duahala ini dapat dioptimakan dan memberi kesan yang baik terhadap penyampaian perkhidmatan MBMB serta pelaksanaan dasar oleh ke-

rajan negeri dan pusat secara berkesan.

MBMB juga dalam perancangan untuk menyusun semula peniaga-peniaga khususnya di kawasan pelancongan antaranyadi Dataran Klebang bagi memberikan wajah baharu serta keselesaan kepada pengunjung dan dijangka siap pada 2023. Begitu juga dengan 16 lokasi lain bagi kerja-kerja naiktaraf secara berterusan melibatkan medan selera dan pasar awam bawah pentadbiran MBMB.

Bagi golongan belia pula MBMB melalui permohonan Bajet RMK-12, MBMB bakal menyediakan sebuah 'Extreme Park' bagi penggemar sukan papan luncur atau 'skateboard' di Taman Bandaraya Bukit Serindit, Melaka berjumlah RM2.1 juta.

Dari sudut kelulusan pembangunan perumahan pula, sebanyak 29 permohonan telah diluluskan bagi tahun 2022 merangkumi sebanyak 365 unit Rumah Mampu Milik yang diharap dapat membantu warga bandaraya memiliki rumah kediaman yang diidamkan.

Untuk perancangan masa depan pula, MBMB telah menggariskan enam langkah perdana (Big Moves) yang akan memacu strategi pembangunan fizikal, sosial dan ekonomi MBMB melalui terjemahan dasar di peringkat global, negara dan wilayah.

Kesemua Big Moves yang dicadangkan bertujuan untuk mencapai matlamat pembangunan Bandaraya Melaka sebagai 'Bandaraya Pintar yang berdaya, dinamik dan mampan.

Enam 'Big Moves' itu merangkumi Ban-



ZAINAL pada program penyediaan dodol bersempena Kempen Premis Makanan Bersih Tahun Melawat Malaysia 2020.



ZAINAL bersama EXCO Kerajaan Tempatan Datuk Zaidi Attan ketika mengadakan lawatan ke tapak perniagaan di Klebang.



MENGETUAI lafadz ikrar angkat sumpah sebagai Datuk Bandar MBMB pada Majlis Angkat Sumpah Pelantikan Datuk Bandar, Yang Dipertua, Ahli Majlis dan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada 11 Feb lalu.

daraya Pintar dan Berdaya Saing; Destinasi Pelancongan Berprestij; Bandaraya Berdaya Huni dan Beridentiti; Kemampuan Pengurusan Sumberjaya; Bandaraya Sihat, Aktif dan Selamat; serta Prasarana Dinamik dan Efisien.

3. Bandaraya Melaka terkenal sebagai kawasan pelancongan dan tapak warisan UNESCO, apakah antara usaha yang telah dijalankan MBMB untuk memastikan Melaka kekal relevan sebagai lokasi pelancongan terkemuka dunia terutama sebaik kerajaan mengumumkan pembukaan sempadan negara bermula 1 April?

** Negeri Melaka yang terkenal sebagai negeri pelancongan, MBMB turut mengambil kira kesiapsiagaan kawasan-kawasan tumpuan pelancong supaya berada di tahap yang terbaik bagi memastikan keselesaan pengunjung dan pelancong. Melalui data yang diterima daripada Tourism Melaka, negeri Melaka telah disenaraikan sebagai Top 8 Trending Travel Destinations to Explore for 2022. Semoga dengan pelbagai inisiatif yang telah disediakan oleh Majlis Bandaraya dapat merancakkan lagi ekonomi setempat.

Apabila dikenali sebagai negeri pelancongan, MBMB turut mengambil kirakesiapsiagaan kawasan tumpuan pelancong supaya berada di tahap yang terbaik bagi memastikan keselesaan pengunjung dan pelancong. MBMB telah mengambil langkah mengindahkan lagi kawasan bandaraya dengan melaksanakan kerja-kerja hiasan landskap di jejambat-jejambat sedia ada dengan kos sebanyak RM260,840.00.

MBMB turut akan bersama-sama ker-

jaan negeri dalam memastikan sasaran 5.6 juta kehadiran pelancong ke negeri Melaka pada tahun 2022 ini dicapai. Oleh itu, saya amat berharap warga bandaraya turut bersama-sama MBMB memainkan peranan dalam menjaga kebersihan dan keindahan bandaraya Melaka supaya negeri Melaka terus menjadi tempat pelancongan yang paling diminati ramai.

Program utama sempena Ulang Tahun ke-19 Bandaraya Melaka Bersejarah:

- Program Bandaraya Penyayang melibatkan 12 DUN di bawah pentadbiran MBMB (Mac - Mei 2022)
- Majlis Bacaan Yasin Perdana (14 April 2022)
- MBMB Virtual Active Run yang bermula mulai (Mac - Mei 2022)
- Konsert Nur Najah MBMB secara maya - penampilan khas Hafiz Suip dan Ikhwan Fatanna melalui Facebook MBMB (15 April 2022)
- Ceramah Perdana bersama Sahibus Fadhilah Ustaz Dato' Badli Shah Alauddin dengan tajuk tazkirah Seandainya Ramadhan Ini Ramadhan Terakhir di Dewan Taming Sari MBMB (28 April 2022)
- Program Ziarah Kasih Anak Yatim MBMB (30 April 2022)
- Program Bandaraya Berselawat dengan penampilan khas Alif Satar
- Cabutan Bertuah Bagi Pembayar Cukai Taksiran 2022

INFOGRAFIK KAWASAN MBMB

| | |
|--------------------------|------------------------------|
| Kawasan perumahan | Taman perumahan - 330 |
| Kawasan industri | 11 |
| Rumah Ibadat | |
| Masjid : 9 | |
| Kuil : 2 | |
| Tokong : 7 | |



Ulang tahun ke-19 MBMB disambut penuh kesyukuran

Fiqa Jamal

BUKIT PALAH - Kira-kira 600 jemaah menghadiri Majlis Kesyukuran Dan Bacaan Yasin Perdana Bandaraya Melaka Bersejarah di Masjid Al-Azim, Bukit Palah, 14 April lalu.

Majlis yang diadakan sempena sambutan ulang tahun ke-19 Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) itu turut dihadiri Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam bersama isteri Toh Puan Datuk Wira Asmah Ab Rahman.

Hadir sama, EXCO Kerja Raya, Pengangkutan, Kemudahan Awam, Infrastruktur dan Pengurusan Banjir Negeri Datuk Rahmad Mariman dan Datuk Bandar MBMB Datuk Zainal Abu.

Majlis yang diadakan secara segerhana itu dimulakan dengan bacaan yasin dan doa yang dipimpin

Mufti Kerajaan Negeri Melaka, Datuk Wira Abdul Halim Tawil.

Sebelum azan Maghrib berkumandang, Tun Mohd Ali mewakili MBMB sempat menyampaikan sumbangan berjumlah RM2,000 kepada pihak masjid yang diwakili Imam Besar Masjid Al Azim, Datuk Mohammad Hashim.

Sumbangan itu bertujuan untuk mengimarahkan program-program keagamaan di masjid berkenaan.

Selain itu, sumbangan turut disampaikan kepada kira-kira 100 anak Tahfiz Darul Ulum Al Arabiyah Al Islamiyyah, Pulau Gadong.

Selepas itu, Tun Mohd Ali bersama pemimpin dan jemaah yang hadir berbuka puasa dan menunaikan solat Maghrib, disusuli solat Isyak dan tarawih berjemaah.

Majlis diakhiri dengan jamuan mohoreh bersama tetamu yang hadir.



TUN Mohd Ali mengaminkan bacaan doa pada Majlis Kesyukuran dan Bacaan Yasin Perdana andaraya Melaka Bersejarah di Masjid Al-Azim bersempena ulang tahun ke-19 MBMB.

Foto Iqmal Haqim Rosman

MBMB bakal jadi pelopor bandaraya pintar



ZAIDI

AYER KEROH - Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) komited menjadi pelopor bandaraya pintar sekaligus mengangkat dan menaik taraf Melakakearah Bandaraya Lestari Negeri Digital 2035.

EXCO Kerajaan Tempatan Negeri Datuk Zaidi Attan berkata, transformasi ke arah bandaraya pintar itu akan dilaksanakan dalam tempoh 10 tahun.

Katanya, untuk menuju sebagai sebuah bandar pintar, MBMB mesti melaksanakan segmen-segmen yang perlu dipenuhi antaranya berkaitan

kebersihan, pengurusan perumahan, pengurusan tempat parkir, trafik serta utiliti.

"Tahun ini Melaka berada pada indeks yang sah sebagai negeri maju, jadi bagi mengangkat dan menaikkan taraf sebagai bandar lestari itu kita perlu beberapa segmen yang perlu dipenuhi.

"Antaranya ialah berkaitan kebersihan, pengurusan perumahan, tempat parkir, pengurusan trafik, pengurusan utiliti dan pengurusan cukai yang harus ditransformasikan.

"Agendaini akan dirangka dalam

tempoh 10 tahun akan datang," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, Zaidi memaklumkan MBMB juga menjadi pihak berkuasa tempatan yang bertanggungjawab terhadap hasrat kerajaan negeri mewujudkan sebuah koridor ekonomi baharu iaitu Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ).

Katanya, sebagai peneraju kepada perubahan negeri, MBMB memainkan peranan sebagai badan berkuasa yang diberi tanggungjawab untuk merancang susun atur pembangunan baharu di koridor ekonomi

pesisir pantai itu.

"M-WEZ merupakan tapak baharu bagi kawasan koridor baharu yang pastinya akan melibatkan pelaburan berimpak tinggi, MBMB adalah pihak yang bertanggungjawab merancang keseluruhan M-WEZ yang akan melibatkan undang-undang tambakan laut, dan itu merupakan cabaran besar buat MBMB.

"MBMB juga yang menyediakan pelan perancangan yang teliti dan komprehensif buat negeri Melaka berpandukan 'blueprint' M-WEZ yang telah dilancarkan," katanya.

Salur 150 aduan, warga bandaraya puji komitmen MBMB

PAYA RUMPUT - Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) disifatkan sebagai sebuah pihak berkuasa tempatan (PBT) terbaik di negeri ini kerana sentiasa cakna dengan segalah aduan yang diberikan warga Bandaraya Melaka.

Seorang penduduk di Taman Paya Emas, di sini, See Eng Chuan, 54 berkata, sejak Aplikasi Respon Rakyat diperkenalkan, segala aduan kini menjadi lebih mudah dan respon yang diberikan juga sangat pantas.

Katanya, sepanjang menjadi warga bandaraya, dia telah menyalurkan sebanyak 150 aduan sejak tahun 2018 hingga Mac tahun ini.

"Pada 2018, saya banyak memberi maklumat dengan menelefon pihak MBMB tetapi respon terhadap aduan agak lambat.

"Namun, selepas kewujudan aplikasi Respon

Rakyat, terdapat peningkatan yang mana maklumat balas terhadap aduan lebih pantas dan pelbagai masalah berjaya diselesaikan.

Cuma mungkin terdapat beberapa perkara boleh diperbaiki lagi.

"Yang paling penting menerusi aplikasi itu orang

ramai boleh mengetahui sama ada aduan yang dibuat telah dilaksana atau tidak dan setakat ini saya gembira kerana MBMB

banyak memberi respon positif," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Di atas keprihatinannya terhadap segalah masalah yang berlaku dalam kawasan Bandaraya Melaka, MBMB telah memberikan Anugerah Individu/Komuniti Prihatin kepadanya pada Majlis Apresiasi MBMB 2022 bersempena ulang tahun ke-19, baru-baru ini.

Eng Chuan yang juga seorang penjawat awam berkata, tujuannya membuat lebih 100 aduan sejak empat tahun lalu bukanlah untuk kemegahan diri malah pun berniat buruk kepada mana-mana pihak.

Sebaliknya, ia demi memastikan Melaka kekal menjadi sebuah bandaraya bersih dan boleh menjadi contoh dalam negara.

"Aduan-aduan yang saya buat kebanyakan

mengenai peniaga-peniaga yang tidak menjaga kebersihan yang mana selepas meniaga tinggalkan barang niaga di tapak niaga, sampah bersepah tidak dikemasan selepas meniaga dan rata-rata mereka tidak mengikut garis panduan yang diberikan oleh MBMB.

"Saya faham kalau kerajaan negeri ada memberi kelonggaran Melaka Bebas Meniaga disebabkan pandemik COVID-19, tapi para peniaga juga perlu berjaya dan jangan bersikap sambil lewa.

"Selain itu aduan saya yang lain kebanyakan melibatkan jalan berlubang, longkang tersumbat, sampah tidak diselenggara dan saya rasa sebagai pengguna itu tanggungjawab untuk memastikan pihak berkuasa mendapat maklumat," katanya.



ENG Chuan menerima Anugerah Individu/Komuniti Prihatin pada Majlis Apresiasi MBMB 2022, baru-baru ini.




Ulang Tahun
BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH

19

Selamat Menyambut
Hari Ulang Tahun

Bandaraya Melaka Bersejarah



Ikhlas Daripada



Ahli Lembaga Pengarah &
Seluruh Warga Kerja Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd.

NO2 - TANJUNG BIDARA

Ab Rauf selami masalah nelayan



Liana Sahabudin

TANJUNG BIDARA – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bidara, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh berkesempatan menyantuni tujuh nelayan di Kampung Padang Kemunting, di sini bagi menyelami permasalahan dihadapi golongan itu.

Beliau berkata perjumpaan itu bertujuan untuk mendengar sendiri masalah dihadapi nelayan Persatuan Padang Kemunting berikutan ramai dalam kalan-jan mereka terjejas pendapatan akibat pandemik COVID-19.

"Saya turun padang untuk tanya sendiri masalah dihadapi nelayan di sini, ada

kesumber pendapatan mereka padawaktu endemik ini...mana yang boleh bantu kita cuba bantu."

"Rami mengadu berkenaan bantuan sara hidup 'one-off' kepada nelayan, kita akan percepatkan untuk mereka sebab pendapatan mereka terjejas," katanya.

Katanya setakat ini terdapat kira-kira 180 nelayan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Tanjung Bidara diwakili empat persatuan iaitu Persatuan Nelayan Kampung Balai Batu, Kampung Pasir Gembur, Padang Kemunting dan Pengkalan Balak.

Pada perjumpaan itu Ab Rauf turut membeli ikan segar hasil tangkapan nelayan di Kampung Padang Kemunting.



AB Rauf mendengar permasalahan dihadapi nelayan di Kampung Padang Kemunting.

NO1 - KUALA LINGGI

Harga bongkah batu naik tak halang kerja naik taraf muara

KUALA LINGGI – Kerja pemuliharaan muara Sungai Baru, di sini tidak terjejas meskipun harga bongkah batu atau 'armour rock' iaitu bahan pembinaan utama bagi projek itu naik mendadak.

Sebaliknya, projek bernilai RM 10.392 juta itu tetap diteruskan bagi memastikan ia disiapkan awal tahun hadapan, sekali gus memudahkan nelayan keluar dan masuk ke pangkalan masing-masing.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Melaka, Abdul Hakim Hamzah berkata, kontraktor utama projek berkenaan mendakwa harga armour rock naik mendadak sejak beberapa bulan lalu.

"Kemajuan projek setakat ini ialah 48 peratus melebihi jangkaan 44 peratus sebelum ini. Selain membina 'dinding penahan' sepanjang 200 meter projek itu turut membabitkan kerja mendalamkan muara sungai.

"Kontraktor mendakwa berlaku mendapan tanah yang ketara ketika

kerja membina dinding penahan di muara. Hujan lebat sejak beberapa hari lalu juga mengganggu kerja pembinaan dinding berkenaan," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Menurutnya projek berkenaan dimulakan Feb lalu selepas Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) meluluskan peruntukan bagi memulihara muara Sungai Baru yang mengalami mendapan serius sejak 10 tahun lalu.

Sementara itu, Abdul Rahim Talib, 59, berkata dia dan 200 lagi nelayan tempatan berasa amat gembira dengan perkembangan semasa projek berkenaan.

"Sebelum ini jika nak keluar ke laut kami kena pastian air sudah pasang, bila nak pulang pula kami kena tiba di jeti sebelum air timpas atau terlalu surut," katanya.

Abdul Rahim berkata, nelayan menggunakan bot bersaiz besar juga berdepan masalah lebih rumit setiap kali mahu merapat ke jeti berikutnya mendapat lumpur di muara.



KONTRAKTOR giat menjalankan kerja pemuliharaan muara Sungai Baru, Kuala Linggi.

MELAKA HARI INI
NO.TEL : 06 - 251 9314, 06 - 251 9315 FAX : 06 - 251 9316

KETUA KANDUNGAN
MOHD SALMAN HAMAT
Salmanhamat@melakaharlini.my

PENGARANG DIGITAL
FARAH SUHAIDAH OTTHMAN
farahothman@melakaharlini.my

PENGARANG
MOHD FAZRUL ABDU MAJID
fazru@melakaharlini.my

JURUFOTO
AZREN JAMILUDIN
m.azren86@gmail.com

WARTAWAN

MOHD FAIZ ABU HASAN
faizhasan@melakaharlini.my

LIANA SAHABUDIN
illyann90@melakaharlini.my

FIQA JAMAL
norafiqahjamal93@gmail.com

SITI SALEHAH AL-QADRAWI
sitisalehah@melakaharlini

REKABENTUK & GRAFIK

AMBRAN MOHAMED
amran@melakaharlini.my

MIMIE AZURA
ABU BAKAR

mimieazura1981@melakaharlini.my

IT SUPPORT

PEGAWAI TEKNOLOGI
MAKLUMAT
ABDUL JALIL JAMAR
abduljaliljamar@gmail.com

PEMASARAN

PENGURUS
MUHAMMAD HAMZI
ROSMANI
amz@melakaharlini.my
018 - 329 9936

MARKETING
& ADVERTISING EXECUTIVE
SARAH AIDA ABD HADI
sarahaida@melakaharlini.my

UNIT MEDIA SOSIAL

EKSEKUTIF
IZAIDA RAHANAH IDRIS
izrahanah363@gmail.com

SHARIFAH NORHALIDAH
SYED KHAIDZIR

khalidah@melakaharlini.my

MELAKA TV

KETUA UNIT MELAKA TV
SONNY IKMAL AHMAD KAMIL
sonnyikmal@melakaharlini.my

WARTAWAN PENYIARAN
MOHAMAD FARIS HAikal

farishhaikal.zakaria@melakaharlini.my

JURUVIDEO
MOHD ZAIDI YAACOB
drzack35@gmail.com

PUTRA DANIAL RIZAIDI
putradaniel182@gmail.com

PENYIARAN
RABIAH OSMAN
osmanrabiah@melakaharlini.my

HASBULLAH BIN AZHAR
burneskoabar@gmail.com

NO3 - AYER LIMAU

Aidilfitri suram buat penoreh getah

Din Ahmad

AYER LIMAU – Jika pekebun kecil kelapa sawit tersebut nyum lebar menyambut 1 Syawal tidak lama lagi, berikutan harga komoditi itu yang melonjak, namun tidak bagi pekebun kecil getah.

Tenaga yang dikerah ketika menoreh getah tidak setimpal dengan hasil yang diperoleh, menyebabkan Aidilfitri kali ini terasa seakan-akan tidak meriah untuk mereka.

Abdul Aziz Daud, 54, berkata tiada senyuman yang mampu terukir pada bibirnya untuk menyambut kehadiran Aidilfitri tidak lama lagi, berbanding rakannya yang mengusahakan kebun kelapa sawit.

"Harga getah lantun (beku) hari ini cuma RM 3 satu kilogram (kg) berbanding RM 3.15 semalam, ia amat rendah berbanding harga buah tandan segar (BTS) kelapa sawit yang mencapai RM 1,000 satu tan sekarang.

"Apakan daya saya untuk menyambut Aidilfitri selain terpaksa berpuas hati dengan hasil jualan sedia ada," katanya ketika ditemui di Kampung Ramuan Cina Kecil, di sini.

Abdul Aziz berkata, den-



ABDUL Aziz menimbang getah bekue sebelum dijual kepada peraih di Kampung Ramuan Cina Kecil.

gan menjual 10kg getah bekue kepada peraih, dia hanya dapat membawa pulang RM 32 untuk membayar perbelanjaan keluarga.

Katanya, 1.2 hektar kebun getah yang diusahakannya sejak 20 tahun lalu semakin berkurangan hasilnya berikutan faktor pokok yang sudah tua.

Sehubungan itu, dia meminta kerajaan mencari kaedah sesuai membantu meningkatkan harga getah yang tidak pernah naik sejak Jan 2017.

Katanya lagi, penoreh pasti gembira jika kerajaan mampu memberikan sumbangan khusus untuk mereka menjelang Aidilfitri.

N04 - LENDU

Bantu miskin tegar keluar garis kemiskinan

Mohamad Fazrul Abdul Majid

LENDU - Seramai empat penerima dari Dewan Undangan Negeri (DUN) Lendu menerima sumbangan menerusi Program Usaha Kasih (uKasih) yang diadakan di JAPERUN Lenndu, baru-baru ini.

Ketua Menteri merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lendu Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, empat penerima itu merupakan sebahagian daripada 17 keseluruhan penerima di negeri ini.

Katanya, program berkenaan merupakan



satu inisiatif bagi membantu mereka yang berstatus miskin tegar atau miskin untuk meningkatkan ekonomi keluarga mereka.

"Ia sekali gus dapat membantu mengelarkan mereka daripada status kemiskinan," katanya.

Menurut Sulaiman, empat penerima yang mendapat manfaat daripada program itu ialah Siti Hazura Abd Rahman, Maziah Mohd Jani, Zainal Abidin Baba Hadi dan Mohd Nuri Mohd Noor.

Kesemua mereka menerima sumbangan berbentuk peralatan antaranya peralatan membuat kuih, peralatan makanan sejuk beku, peralatan pembersihan kebun dan peralatan pembersihan kebun.



SULAIMAN menyempurnakan penyampaian sumbangan uKasih kepada empat penerima dari DUN Lendu. Foto: Mohd Azren Jamaludin

N06 - REMBIA

Lantik bekas pegawai syarak pantau aktiviti masjid, surau

Norizan Abdul Muhid

REMBIA - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rembia Datuk Muhammad Jailani Khamis mencadangkan agar bekas pegawai syarak dilantik bagi memantau aktiviti masjid dan surau di negeri ini.

Katanya, pelantikan bekas pegawai syarak itu lebih kepada membantu aktiviti seperti pengurusan jenazah dan berkaitan soal muazin.

Beliau yang juga EXCO Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan Negeri berkata, perkara itu telah dibincangkan pada mesyuarat EXCO sebelum ini namun belum ada sebarang keputusan mengenainya dibuat.

"Ya betul, memang berlaku di surau atau masjid, ada kes bacaan tajwidnya tidak begitu bagus namun hakikatnya tiada siapa yang sempurna.

"Perkara ini sudah dibincangkan di peringkat mesyuarat EXCO untuk lantik bekas pegawai syarak dan duduk di Majlis Asyura masjid serta surau bagi tujuan membantu.

"Bagaimanapun, ia terpulang kepada Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali

selaku Pengurus Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), " katanya.

Beliau berkata demikian kepada Melaka Hari Ini (MHI) selepas menyampaikan Sumbangan Ramadan kepada dua masjid dan 11 surau dalam DUN Rembiadi Masjid Luqman Nulhakim Sungai Petai, 10 April lalu.

Sumbangan wang tunai iaitu RM2,000 untuk masjid dan RM1,000 surau itu bertujuan membolehkan pihak pengurusan menggerakkan aktiviti serta program sepanjang Ramadan ini.

N05 - TABOH NANING

Sambut Ramadan bersama Orang Asli

Faiz Hasan

TABOH NANING - Seramai 50 keluarga masyarakat Orang Asli beragama Islam diraikan bagi menyemarakkan sambutan bulan Ramadhan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Taboh Naning, Zulkifle Mohd Zin berkata, Program Jelajah Iftar Jama'ie anjuran Majlis

Agama Islam Melaka (MAIM) diadakan di Kampung Bukit Payung malam tadi sekali gus mampu mengegratkan penduduk Orang Asli bersama kepimpinan di kawasan berkenaan.

"Dalam program diadakan itu, kesemua penduduk terlibat turut menerima sumbangan kit makanan MAIM bagi membantu mereka dalam sepanjang

Ramadan ini.

"Program yang diadakan menerima sambutan penduduk dengan pelbagai aktiviti ibadah dijalankan termasuk solat tarawikh diadakan pada malam tadi.

"Dengan penganjuran ini ia mampu memberi satu pengertian bermakna buat penduduk ini bagi bersama-sama merakaan bulan ibadah pada tahun ini," katanya.



ZULKIFLEE memberikan sumbangan kepada anak-anak Orang Asli yang beragama Islam sempena kehadiran Ramadan.



MUHAMMAD Jailani menyampaikan replika cek Sumbangan Ramadan kepada Pengurus Surau Islamiah Air Puteh, Malek di perkarangan Masjid Luqman Nulhakim Sungai Petai.

NO8 - MACHAP JAYA

'Ah Sem' tak kekok mengacau bubur lambuk

Mohamad Fazrul Abdul Majid

MACHAP JAYA - Walaupun berbangsa Cina, ia bukan penghalang untuk Ahli Dewan Undangan Negeri Machap Jaya turun padang meraikan budaya umat Islam yang kini menjalani ibadah puasa.

Ngwe Hee Sem, pada 9 April lalu, menyertai komuniti di Hutan Percha untuk meny-

iapkan juadah bubur lambuk yang akan diagihihkan kepada penduduk.

Beliau juga dilihat tidak kekok membantu mengacau bubur lambuk yang disediakan secara bergotong-royong itu.

"Menu wajib untuk berbuka puasa bubur lambuk.

"Sempat turun gotong-royong bersama penduduk se-tempat di Felda Hutan Percha

bagi penyediaan bubur lambuk Masjid Hutan Percha," katanya dalam satu hantaran di laman Facebook rasminya.

Selain itu, beliau turut mengambil kesempatan melakukan Ziarah Orang Kampung di Felda berkenaan.

Sebanyak lima rumah warga emas telah diziarahi dan diberikan sumbangan sempena Ramadan tahun ini.



HEE Sem membantu mengacau bubur lambuk di Felda Hutan Percha.

NO7 - GADEK

Shanmugam edar 1,000 bubur lambuk setiap Ahad

Faiz Hasan

GADEK - Program agihan bubur lambuk Dewan Undangan Negeri (DUN) Gadek akan diadakan setiap hari Ahad di sepanjang Ramadan ini.

Ahli Dewan Undangan Negerinya, VP Shanmugam berkata, program diadakan setiap minggu itu mampu menyemarakkan bulan Ramadan buat penduduk di kawasan itu.

Katanya, sebanyak 1,000 bekas bubur lambuk akan diagihihkan setiap Ahad bermula jam 2.30 hingga 3.30 petang bertempat di tepi jalan dihadapan Pejabat JAPERUN Gadek.

"Program ini juga diadakan hasil kerjasama penduduk setempat bersama pemimpin masyarakat bergotong-royong memasak bubur lambuk.

"Bubur akan dimasak di Pejabat JAPERUN dan kemudiannya dibungkus dan diagihihkan buat orang ramai," katanya.



SHANMUGAM mengedarkan bubur lambuk kepada orang ramai setiap Ahad.



NO9 - DURIAN TUNGGAL

Zahari pantau rumah PPRT 'sakit'



ZAHARI semasa mengadakan tinjauan projek PPRT yang mempunyai masalah.

Liana Sahabudin

DURIAN TUNGGAL - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Durian Tunggal Zahari Abd Kalil turun padang bagi meninjau Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) didakwa bermasalah.

Katanya tinjauan itu dilakukan untuk melihat sendiri keadaan

PPRT berkenaan susulan aduan diterima pihaknya.

"Difahamkan rumah PPRT berkenaan bermasalah berpunca daripada pihak kontraktor, namun kita akan siasat dahulu dakwaan ini."

"Kemudian kita akan rujuk kepada pihak yang berwajib berkenaan status rumah ini dan

mohon tindakan segera dapat diambil jika aduan itu benar berlaku," katanya menerusi satu hantaran di Facebook rasminya, 11 April lalu.

Zahari berharap pihaknya memainkan peranan bagi membantu semoga urusan kedua-dua belah pihak diper mudahkan dan permasalahan diselesaikan dengan baik.

N13 - PAYA RUMPUT



RAIS ketika mengimamkan solat Maghrib di Masjid Ar-Rahman Krubong.
Foto: Rais Yasin

ADUN imamkan solat Maghrib

Mohamad Fazrul Abdul Majid

PAYA RUMPUT - Ahli Dewan Undangan Negeri Paya Rumput Datuk Rais Yasin menunjukkan contoh kepimpinan yang baik apabila mengimamkan solat Maghrib di Masjid Ar-Rahman Krubong, baru-baru ini.

Menerusi satu perkongsian gambar dan video di Facebook, rata-rata pelayar memuji keperibadian beliau yang juga EXCO Pendidikan dan Teknologi Negeri kerana menunjuk tauladan yang baik sebagai wakil rakyat dan juga pemimpin.

"Terbaik...pimpin rakyat, pimpin maknum,"

kata Latief Mohd.

"Pemimpin yang macam Datuk Rais Yasin memang dicari selama ini. Beliau boleh ketepi, ketengah, kedepan dan kebelakang," kata Hunter Melaka.

Selain memimpin solat Maghrib, terdahulu Rais turut berkesempatan berbuka puasa bersama jemaah di masjid berkenaan.

Beliau juga telah menyampaikan sumbangan Ramadan Kareem DUN Paya Rumput kepada 20 penerima yang memerlukan.

Difahamkan, ia merupakan antara program pertamanya sepanjang Ramadan sebaik pulang dari pada menuaikan Umrah sejak awal Ramadan lalu.

FOKUS
DUN



N12 - PANTAI KUNDOR

Kilang elektronik sedia lebih 100 peluang pekerjaan



TUMINAH (kanan) mengadakan lawatan ke TKR Manufacturing (M) Sdn Bhd.

Farah Suhaidah Othman

PANTAI KUNDOR - Sebuah kilang elektronik di Kawasan Perindustrian Tingga Batu, Tanjung Kling di sini menawarkan lebih 100 peluang pekerjaan kepada anak tempatan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Kundor, Tuminah Kadi berkata ketika lawatannya ke Kilang TKR Manufacturing (M) Sdn Bhd baru-baru ini, beliau sempat melihat kawasan persekitaran dan operasi kilang berkenaan.

Katanya, kunjungannya bersama pegawai Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dan pemimpin setempat disambut Pengarah Urusan TKR Manufacturing (M) Sdn Bhd, N Paul dan pihak pengurusan kilang berkenaan.

"Lawatan berkenaan diadakan bagi melihat dan mengambil maklum tentang operasi kilang serta peluang pekerja yang boleh ditan-

warkan kepada anak tempatan khususnya di DUN Pantai Kundor.

"Saya dimaklumkan lebih 100 peluang pekerjaan ditawarkan dan mereka boleh merebut peluang untuk membina kerjaya di kilang terbabit," katanya yang turut membuat lawatan ke bahagian pembuatan produk elektronik kilang terbabit.

Mengulas lanjut, beliau berkata hasil perjumpuan itu, Yang di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia (Dr) Mohd Ali Mohd Rustam dijangka mengadakan kunjungan ke kilang berkenaan tidak lama lagi.

"Berdasarkan perbincangan susulan, Tuan Yang Terutama (TYT) Tun dijadualkan membuat kunjungan selepas Hari Raya Aidilfitri nanti.

"Semoga hubungan erat antara JAPE-RUN Pantai Kundor dan pihak TKR Manufacturing (M) Sdn. Bhd. dapat memberi manfaat yang besar buat penduduk setempat," katanya.

N10 - ASAHLAN

Kolej Komuniti 'kongsi rezeki' dengan masyarakat

Liana Sahabudin

JASIN - Bagi memupuk semangat khidmat sosial bersama komuniti, Briged Sukarelawan Kolej Komuniti (BRISK) Melaka menganjurkan Program Kongsi Rezeki di Felda Tun Ghaffar, Bukit Senggeh, di sini, baru-baru ini.

Pengerusinya, Mohamad Nazri Ismail berkata, program itu bertujuan memupuk semangat bermasyarakat dalam kalangan warga Kolej Komuniti negeri ini selain menyemai nilai murni berkongsi rezeki dan kemahiran bersama penduduk setempat.

"Sebanyak lima aktiviti khidmat masyarakat dilaksanakan bersama komuniti seperti pemeriksaan kabel, soket elektrik dan penyelenggaraan pendingin hawa di masjid serta balai raya."

"Kami juga menjalankan penyelenggaraan landskap, lukisan mural, perkhidma-

tan servis motosikal dan gunting rambut untuk warga emas serta kanak-kanak."

"Kolej Komuniti Negeri Melaka juga komited mempromosikan program pembelajaran sepanjang hayat yang ditawarkan untuk memperkasa kemahiran komuniti," katanya.

Katanya sembilan kursus jangka pendek seperti Kursus Asas Sembelihan Arnab, Kursus Asas Fotografi, Kursus Asas Keusahawanan dan Demonstrasi Penjagaan Medicure dan Pedicure serta refleksologi turut juga dilaksanakan sepanjang program tersebut.

"Kemahiran dan pendedahan diberikan melalui program ini diharap dapat menjadi nilai tambah selain digunakan oleh peserta untuk memulakan perniagaan sekali gus menjana pendapatan," katanya.

Sementara itu, peserta program Nur Maizurah Noor Hamidi, 20, menyambut baik usahadijalankan kolej komuniti dan berharap



ANTARA aktiviti yang diadakan pada Program Kongsi Rezeki di Felda Tun Ghaffar Bukit Senggeh, baru-baru ini.

ia diteruskan pada masa akan datang.

"Program ini meningkatkan semangat kerjasama antara Kolej Komuniti dan masyarakat di sini, paling bagus kerana kami dapat mempelajari ilmu baharu menerusi akitiviti

yang dijalankan," katanya.

Program itu dirasmikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Asahan, Fairul Nizam Roslan yang dihadiri kira-kira 400 pengunjung.

N15 - PENGKALAN BATU

Bayi diduga benjolan sebesar buah manggis

Siti Salehah

PENGKALAN BATU - "Setiap kali terpandang benjolan itu sayu hati ini, ibu mana yang sanggup tengok anaknya sakit," luah Nur Hafifah Aisyah Jamil, 25, ibu kepada bayi lelaki enam bulan yang menghidap masalah Lipoma.

Nur Hafifah, berkata anak keduanya Faith Rizqi Mohammad Faizzudin disahkan menghidap penyakit kelenjar itu sejak dua bulan lalu selepas benjolan dibelakang badannya semakin membesar.

Katanya, apa yang merisaukan dia dan suami, benjolan di sebelah kanan belakang badan bayinya membesar dengan cepat dalam tempoh hanya dua bulan.

"Dua bulan lalu benjolan itu hanya sebesar syiling 20 sen, tetapi kini sudah sebesar buah manggis dan keadaanya itu menyebabkan Rizqi tidak selesa, dia kerap juga merengek."

"Apa yang membimbangkan kami adalah tarikh untuk berjumpa dan menjalani pembedahan masih lama lagi iaitu pada Jun depan."

"Sekarang sudah besar ini, kalau hendak tunggu lagi semestinya makin membesar mungkin juga berisiko," katanya ketika ditemui dirumahnya di Bachang, di sini, 12 April lalu.

Suri rumah itu berkata, benjolan itu dikesan ketika bayinya berusia empat bulan dan awalnya dia dan suami menyangka masalah itu tidak serius dan surut seperti pernah dialami anak sulungnya sebelum ini.

"Sekarang nak pegang pun risau kerana benjolan itu nampak semakin tegang selain



NUR Hafifah Aisyah menunjukkan benjolan kelenjar sebesar buah manggis yang terdapat dibelakang bayinya Faith Rizqi, enam bulan.

nampak urat. Alhamdulillah setakat ini Rizqi masih aktif.

"Dia masih berselera untuk minum susu dan makan, tapi apa merisaukan kami sekarang ini Rizqi kerap demam, batuk dan selesma," katanya.

Berikut itu dia dan suami amat berharap tarikh pembedahan Rizqi disegerakan meskipun terpaksa menyambut Aidilfitri di hospital.

Terdahulu pada 11 April lalu, dia dan suami menerima kunjungan Ziarah Kasih daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Batu, Datuk Kalsom Nordin.

Selain menyampaikan sumbangan, Kalsom yang juga EXCO Hal Ehwal Wanita memaklumkan akan cuba membantu agar bayi pasangan berkenaan diberikan rawatan segera.

N18 - AYER MOLEK



RAHMAD menyampaikan sumbangan kepada Muhammad Adam Mukhriz Roslan.

'Raya tidak semeriah dulu'

AYER MOLEK - "Sebelum ini arwah suami yang sediakan semuanya namun tahun ini sudah pasti semuanya berbeza dan terasa lainnya buat saya dan anak-anak."

"Namun begitu untuk tahun ini saya cuba sediakan apa yang termampu walau-pun Ramadan dan sambutan Aidilfitri yang bakal tiba nanti tidak lagi semeriah sebelum ini," itu kata Sti Nor Hanim Zakaria, 38, yang kehilangan suami baru-baru ini akibat disengat tebuan.

Menurutnya, kehilangan suaminya pada penghujung Mac lalu secara tiba-tiba mengejutkan dia serta dua anaknya yang berusia 12 dan 14 tahun, kerana sebelum itu suaminya berada dalam keadaan sihat.

"Arwah suami seorang yang sihat, tiba-tiba sahaja arwah pergi tinggalkan kami sudah pasti mengejutkan kami."

"Ketika keluar bekerja hari kejadian dia seperti biasa sahaja sehingga mendapat

perkhbaran dia disengat tebuan ketika bekerja.

"Sekarang ini tugas dan tanggungjawab yang sebelum ini arwah suami lakukan, saya ambil alih selain kini saya turut membuat kuih-muih dan hantar ke kedai sebagai punca pendapatan," katanya.

Menurutnya, dia amat bersyukur dan berterima kasih kepada pihak Persatuan Warisan Anak Jawa (PERWAJA) Paya Dalam kerana memilih anaknya sebagai seorang daripada penerima bantuan sumbangan.

"Alhamdulillah, dengan sumbangan ini dapat sedikit sebanyak meringankan beban dan membantu persiapan raya buat anak."

"Persiapan ada dibuat tetapi anak-anak paling utama walaupun tidak semeriah dulu," katanya.

Terdahulu, penyampaian sumbangan disampaikan Ahli Dewan Undangan Ayer Molek Datuk Rahmad Mariman.

N14 - KLEBANG

Bazar Aidilfitri Klebang meriah!

KLEBANG - Bazar Aidilfitri Klebang meneruskan kemeriahannya di bulan Ramadan apabila terus menjadi lokasi tumpuan orang ramai khususnya umat Islam yang mahu membeli persiapan menjelang hari raya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Klebang Datuk Lim Ban Hong berkata, bazar berkecuaan merupakan antara yang terbesar di Melaka dengan menempatkan 190 gerai sepanjang 1.5 kilometer di Klebang Utama.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata, kegigihan peniaga bazar yang memulakan operasi bermula jam 5 petang hingga 2 pagi menunjukkan semangat baharu dalam bersama-sama membantu kerajaan dalam memulihkan semula ekonomi.

"Sejak negara kita dilanda pandemik COVID-19, pelbagai sektor terkesan dengan impak negatif yang disebabkan oleh pandemik ini, para peniaga Bazaar Ramadan juga tidak terkecuali."

"Dengan kadar vaksinasi yang tinggi dan pembukaan ekonomi secara berperingkat termasuk pembukaan sempadan negara pada 1 April 2022, pelbagai sektor ekonomi termasuk peniaga bazar Ramadan dan Aidilfitri kini bersiap sedia untuk menyambut rentak pemulihran ekonomi yang lebih pantas dan menyeluruh."

"Sesungguhnya kegigihan yang ditunjukkan peniaga bazar mencerminkan azam dan tekad pelbagai sektor ekonomi negara untuk turut serta dalam merancakkan pemulihran ekonomi negara," katanya ketika mengadakan lawatan di bazar berkenaan pada 9 April lalu.

Lawatan itu turut dimeriahkan dengan kehadiran bekas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dan Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara Datuk Seri Mohamad Ali Mohamad yang ber kunjung ke bazar berkenaan bagi menyantuni dan memberi sokongan peniaga.



BAN Hong menyantuni pengunjung di Bazar Aidilfitri Klebang, baru-baru ini.

N23 - TELOK MAS



WAKIL JAPERUN Telok Mas ketika menghantar keperluan seperti lampin pakai buang dan katil pesakit buat kesesuaian bapa tunggal Zamri Othman di Taman Seri Telok Mas.

N25 - RIM

Siap awal, tak kalut...

Mohamad Fazrul Abdul Majid

RIM - Walaupun perayaan Aidiladha akan disambut kira-kira tiga bulan lagi, namun kerja menyiapkan tapak sembelihan korban sudah dilakukan lebih awal.

Ia antara inisiatif dilakukan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rim Datuk Khaidhirah Abu Zahar.

Menurut Khaidhirah yang mesra dikenali sebagai Dira, kerja-kerja pembinaan tapak sembelihan di Surau Taman Seri Kerayong itu dibuat lebih awal bagi memudahkan urusan ibadah berkenaan.

Selain pembinaan tapak sembelihan, katanya, kerja-kerja baik pulih surau berkenaan turut dilakukan.

"Walaupun jauh lagi untuk menghadapi Hari Raya Aidiladha, saya minta proses pembinaan disiapkan cepat supaya kualiti kerja tidak turun disebabkan kerja 'last minit' (saat akhir).

"Saya berharap pembinaan serta kerja baik pulih ini dapat memberi manfaat kepada penduduk setempat yang sering menunaikan ibadat di sini," katanya dalam satu hantaran di Facebook rasminya.



TAPAK sembelihan korban yang telah disiapkan di Surau Taman Seri Kerayong. Foto: Facebook Dira Abu Zahar

N21 - DUYONG



ADUN Duyong Mohd Noor Helmy Abd Halem diiringi Mohd Jamil menyampaikan sumbangan kepada penerima di Jalan Panjang.

Warga Duyong ucap terima kasih

Siti Salehah

DUYONG - "Syukur sangat dengan sumbangan diterima ini, dapatlah meringankan perbelanjaan," itu kata penerima sumbangan Rosnah Shafee, 67.

Menurut warga emas itu, dia dan suami yang sudah tidak bekerja kerana faktor usia kini berharap kepada anak-anak dalam perbelanjaan barang keperluan.

"Dengan sumbangan ini ia bukan sahaja dapat meringankan beban belanja dapur malah sedikit sebanyak membantu menjalani ibadah puasa ini."

"Rezeki selalu ada, Alhamdulillah bulan tidak puasa pun ada sumbangan diterima dan bulan puasa pun ada juga," katanya ketika ditemui di Jalan Panjang, di sini.

Sumbangan itu diberikan menerusi program Agihan Bubur Lambuk dan Penyampaian Sum-

bangkit berupa bantuan kit makanan kepada 17 penerima yang diadakan 13 April lalu.

Program tersebut merupakan anjuran Komuniti Keluarga Malaysia (KKM) dengan kerjasama Pejabat Penerangan Melaka Tengah.

Sementara itu, Pengurus Mohd Jamil Ab Wahab berkata, program agihan bubur lambuk dan penyampaian sumbangan itu merupakan antara tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang dijalankan sepanjang Ramadan tahun ini.

"Pada program ini seramai bubur lambuk dimasak secara bergotong royong sebelum diajukan kepada penduduk setempat."

"Kali ini juga seramai 17 penerima terpilih menerima sumbangan barang harian yang disampaikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Duyong, Mohd Noor Helmy Abdul Halem," katanya.

Nasib bapa tunggal hidap kanser dibela

Fiqah Jamal

TELOK MAS - Dewan Undangan Negeri (DUN) Telok Masterus prihatin apabila membantu seorang bapa tunggal menghidap kanser tulang di Taman Seri Telok Mas, baru-baru ini.

Setiausaha JAPERUN Telok Mas Faris Mohd Taib berkata pihaknya sedang mendapatkan bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) bagi membantu Zamri Othman, 54.

Katanya, Zamri menghidap kanser tulang tahap empat dan hanya mengetahui tentang penyakit itu empat bulan lalu.

"Zamri merupakan tulang belakang keluarganya sejak kematian isteri pada tahun 2015, dengan menyara empat anaknya yang berusia 16 hingga 24 tahun sendirian sebagai pengurus bengkel kereta."

"Pihak JAPERUN selepas mengetahui kesulitan yang dihadapi Zamri, kami menghantar bantuan lampin pakai buang setiap bulan, kerusi tandas dan katil pesakit untuk keselamatan Zamri yang kini berkerusi roda," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, Faris berkata pihak JAPERUN turut bersimpati atas nasib yang menimpak Zamri sekeluarga dan akan membantu keluarga tersebut kerana anak bongsu keluarga kecil itu masih bersekolah di Tingkatan Empat.

Ujarnya, atas dasar keprihatinan, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Telok Mas Datuk Abdul Razak Abdul Rahman telah mengarahkan wakil JAPERUN untuk sentiasa memantau kebajikan penduduk-penduduk yang ditimpak musibah.

"Kita dapat Zamri berada di tahap hampir lumpuh apabila bahagian pinggang, kakinya dan pahanya terjejas teruk, dia tidak mampu melakukan apa-apa di peringkat JAPERUN, kita akan cuba bantu apa yang termampu untuk meringankan beban Zamri," katanya.

Sekampung buka puasa di dataran



MUHAMAD Akmal menyantuni orang ramai dalam program Buka Puasa Sekampung di Dataran Orang Kampung. Foto: Facebook Akmal Saleh

N27 - MERLIMAU

Orang Serkam bakal dapat klinik baru

Salman Hamat

SERKAM - Sebuah klinik kesihatan jenis 3 (tiga) dirancang dibina di Dewan Undangan Negeri (DUN) Serkam dalam usaha berterusan kerajaan memberikan perkhidmatan berkualiti kepada penduduk setempat.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Serkam Datuk Zaidi Attan berkata, sebelum ini lawatan sudah dilakukan bersama agensi berkaitan untuk mengenal pasti lokasi dan saiz tapak projek pembangunan yang dirancang.

"Jika semuanya berjalan lancar Bahagian Pembangunan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia kemudian akan teruskan dengan proses pengambilan tanah bagi mendirikan klinik berkenaan."

"Perancangan ini adalah bagi melengkapkan pembangunan perumahan sekitar DUN Serkam yang dianggarkan keseluruhan berjumlah 5,000 unit," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Zaidi berkata, pembinaan klinik dianggarkan bernilai RM34 juta yang lengkap dengan kemudahan seperti Jabatan Kecemasan dan Trauma serta farmasi bakal itu menyediakan perkhidmatan kesihatan lebih baik kepada pen-



ZAIDI bersama wakil agensi terbabit melakukan lawatan tapak untuk pembinaan klinik kesihatan baru di DUN Serkam.

duduk sekitar.

"Jika semua berjalan lancar kita akan tutup dua klinik iaitu,

klinik komuniti dan menggantikan klinik ibu mengandung di kawasan itu," katanya.

Fiqah Jamal

MERLIMAU - Dataran Orang Kampung di Merlimau Utara kini meriah apabila menjadi lokasi santai berbuka puasa sepanjang Ramadan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Merlimau, Dr Muhamad Akmal Saleh berkata, kawasan itu disediakan bagi pengunjung yang gemarkan suasana tenang, lapang serta santai seperti di kampung untuk berbuka puasa.

Katanya, pada program 'Buka Puasa Sekampung' yang diadakan baru-baru ini, seramai 300 pengunjung bersama-sama berbukadi atas padang dataran terbabit.

"Program buka puasa sekampung ini konsepnya santai, orang ramai boleh bawa makanan yang dibeli di bazar Ramadan atau 'potluck', makanan sendiri dan berkumpul di Dataran Orang Kampung untuk berbuka bersama.

"Ada yang datang bentang tikar, buka beramai-ramai secara santai bersila, dan konsep ini bagi menarik pengunjung untuk rasa konsep buka puasa sekampung dan tanpa kira limit serta percuma.

"Di sini juga, semuanya dekat, Masjid Asy Suja'ah, Merlimau Utara juga kurang 200 meter dari dataran lokasi berbuka ini buat mereka selepas berbukatunai solat Maghrib seterusnya bertarawih bersama," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, Muhamad Akmal berkata, sepanjang Ramadan dataran berkenaan turut bergema dengan alunan ayat al-Quran dan pengisian tazkirah ringkas sementara menunggu berbuka dengan.

Beliau turut menyasarkan hampir 10,000 pengunjung sehingga berakhir Ramadan untuk berbuka puasa di dataran tersebut.

FOKUS
DUN



N28 - SUNGAI RAMBAI



SITI Faizah ketika mempengerusikan mesyuarat penganjuran Festival Kuih Tradisional dan Pelita Raya Aidilfitri 2022.

Festival kuih, pelita raya meriahkan Sungai Rambai

Adam Daniel Roslan

SUNGAI RAMBAI - Kerajaan negeri Melaka melalui Bahagian Promosi Pelancongan dengan kerjasama JAPERUN Sungai Rambai akan menganjurkan Festival Kuih Tradisional dan Pelita Raya Aidilfitri pada 22 April ini.

Festival selama sehari itu akan diadakan bertempat di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Sungai Rambai.

Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Rambai, Siti Faizah Abd Aziz berkata, program itu diadakan bertu-

juan bagi memartabat dan memberikan pendedahan kepada masyarakat mengenai penghasilan kuih warisan tradisional di Melaka.

Selain itu, katanya, ia juga dapat menyemarakkan kedatangan Aidilfitri yang menjelang tiba.

"Alhamdulillah, selesai mesyuarat bagi penganjuran Festival Kuih Tradisional dan Pelita Raya yang akan diadakan tak lama lagi."

"Perbincangan secara terperinci ini melibatkan pelbagai agensi serta Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) terlibat," katanya.



MIMBAR MAIM

“Dan hendaklah kamu ber tolongan untuk membuat kebaikan dan bertakwa dan janganlah kamu ber tolongan pada melakukannya (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah kerana sesungguhnya Allah maha berat azab seksa-Nya (bagi se siapa yang melanggar perintah-Nya).” (Surah al-Ma’idah, ayat 2).

Santuni barisan hadapan di bulan mulia

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

MELAKA TENGAH - Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) melalui Seksyen Pembagunan Insan MAIM dengan kerjasama Bahagian Zakat MAIM telah menyediakan pelbagai bentuk program sahsiah insaniah di sepanjang bulan Ramadan tahun ini.

Program Shahrur Ramadan Al-Mubarak merupakan antara program tahunan yang dianjurkan MAIM dalam usaha menyantuni

asnaf dan mereka yang memerlukan di negeri ini.

Kerjasama bersama agensi kerajaan dan korporat merupakan intipati utama aktiviti seumpama ini diadakan bukan sahaja kepada asnaf malah kepada golongan yang memerlukan lebih-lebih di bulan mulia ini.

Kembara sahur atau lebih dikenali dengan nama singgah sahur juga merupakan aktiviti utama MAIM dengan menyantuni beberapa agensi badan beruniform antaranya Polis Diraja Malaysia



SUMBANGAN di Balai Bomba Padang Temu.

HOSPITAL Melaka turut menerima sumbangan kit sahur dari MAIM.

(PDRM), Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Angkatan pertahanan Awam Malaysia (APM).

Penyampaian kit makanan dan minuman sendiri usaha serta tugas mereka dalam melaksanakan amanah yang diberi tanpa mengira waktunya dan penat lelah menjaga keselamatan awam.

Aktiviti ziarah barakah ramadan turut diberikan perhatian kepada asnaf riqab iaitu penghuni pusat-pusat tahanan di sekitar negeri ini dan dalam perkembangan yang sama memberi mereka se-

mangat untuk menjadi insan yang lebih baik.

Juga diberi perhatian kepada pusat-pusat kebajikan di negeri ini serta pusat pemuliharan dalam komuniti dalam usaha membantu mereka menyediakan kebajikan kepada penghuni di pusat berkaitan.

Kebajikan asnaf di bawah naungan MAIM pastinya menjadi agenda utama agihan bantuan bukan sahaja di bulan Ramadan ini namun akan disantuni sebaiknya sepanjang masa selagi mana mereka layak untuk dibantu.



LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809
06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415
06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | www.maim.gov.my

Email | admin@maim.gov.my

Youtube | [majlis agama islam melaka](#) Facebook | [facebook/maimmelaka](#)

“Pengagihan zakat yang telus amanah kami”



Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni

Erwin Abu Hasan
erwin@aim.gov.my



AGIHAN juadah berbuka puasa kepada pengunjung di stesen bas Melaka Sentral disampaikan oleh Setiausaha MAIM, Muhammad Ikrar Ibrahim. Sebanyak 100 kit juadah turut diagih petugas di stesen berkenaan dan program ini akan dilaksanakan sepanjang bulan Ramadan tahun ini.

PENOLONG Setiausaha Bahagian Zakat, Shakina Mohd Said menyantuni dan menyampaikan sumbangan kit Ramadhan berupa kurma dan kerepek serta minuman kepada asnaf yang hadir di pejabat ZAKAT MAIM. MAIM turut memberi kata-kata sokongan untuk mereka terus meningkatkan ukhuwah Islamiah sepanjang bulan mulia ini dan memastikan kebaikan mereka akan dijaga sebaiknya.



SUMBANGAN kit kesihatan kepada pesakit di Hospital Melaka disempurnakan oleh Ketua Seksyen Pembangunan Insan MAIM, Arina Safurra Alim.



KASIH ASNAF...Penyampaian sumbangan set minuman susu kesihatan kepada asnaf, Hashim Ahmad di Kampung Selendar yang menghidap penyakit paru-paru berair dan memerlukan beberapa rawatan susulan di hospital berdekatan. Turut disampaikan sumbangan tilam angin bagi menggantikan tilam lama serta memberi keselesaan tambahan kepada asnaf.



PRIHATIN...Ketua Seksyen Pembangunan Insan MAIM, Arina Safurra Alim menyampaikan kit Pakaian Perlindungan Peribadi (PPE) kepada pengurusan Klinik Kesihatan Seri Tanjung di DUN Pantai Kundor bagi kemudahan klinik berkenaan melaksanakan tugas terhadap pesakit di samping mengelak jangkitan virus COVID-19.



Hanya 2.5%

"Sedikit Diberkati, Banyak Dikongsi"

Beribadah Di Hujung Jari, Layari: www.izakat.com


ZAKAT MELAKA
'Bersih Jiwa Suci Harta'



KETUA MENTERI, Datuk Seri Utama (Dr.) Sulaiman Md Ali hadir mempengerusikan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) baru-baru ini. Perbincangan dan tumpuan kepada pelbagai agenda utama kemaslahatan umat Islam di negeri ini dalam usaha memartabat syiar dan kelangsungan akidah umat Islam.



CEGAH RASUAH... Timbalan Pengerusi MAIM, Datuk Wira Md Rawi Mahmud menyerahkan watikah Ikrar Bebas Rasuah (IBR) kepada Timbalan Pengarah Operasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Melaka, Bahrudin Suib sambil disaksikan Ketua Menteri merangkap Pengerusi MAIM, Datuk Seri Utama (Dr.) Sulaiman Md Ali di Seri Negeri baru-baru ini. Seramai 15 ahli lembaga pengarah MAIM telah menyatakan sokongan dengan lafadz ikrar bebas rasuah sebagai tanda komitmen yang tidak berbelah bagi dalam usaha mencegah pelbagai bentuk jenayah rasuah.



SERAMAI 50 orang asnaf MAIM menerima sumbangan kit makanan dan wang tunai beserta pek nasi ayam yang telah disumbangkan oleh QSR Brands dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Masjid Dan Surau, Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM). Penerima berkenaan merupakan asnaf MAIM dalam daerah Melaka Tengah bagi DUN Duyong, Bukit Katil dan juga Pantai Kundor.



WWW.KIBGIM.COM

SCAN HERE

SMART A+

SOALAN LATIHAN & TEKNIK
MENJAWAB SPM
SUBJEK: SAINS

JOM BERSAMA KIBGIM MENDIDIK &
MENGINSPIRASI
HUBUNGI: 011-15116270 / 019-2886270


SUBJEK: SAINS

BAHAGIAN A

1. Apakah maksud elektrokimia?
 - A. Kajian dalam bidang kimia tentang hubung kait antara fenomena elektrik dengan kimia.
 - B. Kajian dalam bidang fizik tentang hubung kait antara fenomena elektrik dengan kimia.
 - C. Kajian dalam bidang elektrik tentang hubung kait antara fenomena elektrik dengan fizik.
 - D. Kajian dalam bidang elektrik tengang hubung kait antara fenomena kimia dengan fizik.
2. Apakah faktor yang mempengaruhi hasil elektrolisis di anod?
 - A. Jenis bateri
 - B. Jenis elektrod
 - C. Kepekatan elektrolit
 - D. Kedudukan ion dalam siri elektrokimia
3. Berikut adalah antara faktor yang mempengaruhi pemilihan ion untuk dinyahcas pada elektrod bagi elektrolisis larutan akueus kecuali
 - A. Jenis bateri
 - B. Jenis elektrod
 - C. Kepekatan elektrolit
 - D. Kedudukan ion dalam siri elektrokimia
4. Jika elektrolisis menggunakan larutan kuprum (II) sulfat, CuSO_4 , apakah ion-ion yang hadir semasa elektrolisis?
 - A. Ion kuprum (II), Ion sulfat
 - B. Ion kuprum (II), Ion sulfat, Ion hidrogen
 - C. Ion kuprum (II), Ion sulfat, Ion hidroksida, Ion hidrogen
 - D. Ion kuprum (I), Ion sulfat, Ion hidroksida, Ion hidrogen,
5. Apakah yang akan berlaku kepada ion negatif apabila dinyahcas?
 - A. Ion akan menerima elektron
 - B. Ion akan menderma elektron
 - C. Menjadi neutral
 - D. Membentuk atom atau molekul

BAHAGIAN B

1. Rajah 1 menunjukkan susunan radas untuk mengkaji elektrolisis larutan akueus kuprum (II) sulfat, CuSO_4 dengan menggunakan elektrod berlainan seperti yang ditunjukkan dalam sel elektrolit P dan sel elektrolit Q.



Rajah 1

- a) Apakah maksud elektrolisis?
- b) Nyatakan semua ion yang hadir dalam larutan akueus kuprum (II) sulfat.

- c) Namakan ion yang dinyahcas pada anod dan pada katod dalam sel elektrolitik yang berikut:
 - i. Sel elektrolitik P


Pada anod:

Pada katod:
 - ii. Sel elektrolitik Q

Pada anod:

Pada katod:
- d) Namakan satu contoh aplikasi elektrolisis dalam industri yang mengaplikasikan konsep elektrolisis dalam sel elektrolitik Q.

2. Rajah 2 menunjukkan susunan radas untuk mengkaji kesan jenis elektrod terhadap pemilihan jenis ion untuk dinyahcas pada elektrod.



Rajah 2

- a) Namakan ion yang hadir dalam elektrolit semasa elektrolisis dijalankan.
- b) Namakan ion yang dipilih untuk dinyahcas atau ion yang terhasil pada anod bagi jenis elektrod yang berikut:
 - i. Elektrod karbon
 - ii. Elektrod kuprum
- c) Apakah kesimpulan eksperiment tersebut?

JAWAPAN:
Bahagian A

1. A
2. D
3. A
4. C
5. C

Bahagian B

1. a) Elektrolisis adalah proses penguraian sesuatu sebatian dalam keadaan lebur atau akueus kepada unsur juzuknya apabila arus elektrik mengalir melaluiinya.
b) Ion kuprum (II), Cu^{2+} , ion hidrogen, H^+ , ion sulfat, SO_4^{2-} , ion hidroksida OH^-
c) Sel elektrolitik P
Pada anod: ion hidroksida
Pada katod: ion kuprum (II)
Sel elektrolitik Q
Pada anod: tiada ion dinyahcaskan
Pada katod: ion kuprum (II)
d) Penulenan logam
2. a) Ion kuprum (II), Cu^{2+} , ion hidrogen, H^+ , ion sulfat, SO_4^{2-} , ion hidroksida OH^-
b) i) Elektrod karbon: ion hidroksida OH^-
ii) Elektrod kuprum: ion kuprum (II), Cu^{2+}
c) Jika elektrod karbon digunakan semasa elektrolisis larutan kuprum (II) sulfat, CuSO_4 , maka ion kuprum (II), Cu^{2+} , dipilih untuk dinyahcas pada anod. Jika elektrod kuprum digunakan semasa elektrolisis larutan kuprum (II) sulfat, CuSO_4 , maka ion kuprum (II), Cu^{2+} , dipilih untuk dinyahcas pada anod.

Hamidahku Industry

'Terbangkan' dodol Melaka ke China

Liana Sahabudin

UMBIAI - Kemusnahan kedai hampir 90 peratus akibat kebakaran pada tahun 2002 tidak mematahkan semangat pengasas HamidahKu Industry Sdn Bhd untuk terus bangkit dan memasarkan jenama produknya ke seluruh Malaysia.

Pengurusnya, Atika Liakatali, 37, berkata, tragedi itu sudah tentu menjadi memori yang amat pahit untuk ditelan keluarganya kerana baharu sahaja memulakan perniagaan pada tahun 1998.

"Dulu hanya ada satu lot kedai, bila terbakar pada tahun 2002, kita kerugian hampir 90 peratus...masa tu kedai 'total lost', kediamaan 20 peratus terbakar, tempat pembungkusan habis musnah dan kilang pemprosesan 20 peratus terbakar."

"Tapi pengasas (ibu dan ayah) saya tidak putus asa mula semula dari kosong dan sekarang alhamdulillah kita dah tiga lot tanah yang mana kita meliputi kedai, showroom atau bahagian barang-barang trading, kilang proses dodol dan wajik serta kediamaan."

"Awalnya kita tiada kakitangan hanya proses dengan ahli keluarga, ibu dan ayah hasilkan produk setiap Isnin hingga Khamis dan akan menjaya dari kedai ke kedai setiap Jumaat hingga Ahad."

"Alhamdulillah, bangunan sekarang ini adalah yang siap diubah suai pada tahun 2021, sebelum ini keadaan kedai kita agak usang tapi sekarang ada bangunan baru lebih selesa," katanya kepada Melaka Hari Ini.

BANTU USAHAWAN TEMPATAN

Atika yang merupakan anak keduadian enam beradik turut berkongsi rezeki keluarganya bersama peniaga kecil-kecilan yang ingin menjadikan kedainya sebagai 'onestop centre' (pusat sehenti) untuk memasarkan produk tradisional.

"Kita di sini sebagai 'one stop centre' yang kumpul produk-produk daripada ne-



LEBIH 300 produk makanan terdapat di Hamidahku Industry di Umbai. Foto Iqmal Haqim Rosman

geri lain ke satu tempat di Melaka, kita bukan sahaja menjual secara runcit tetapi juga secara borong seperti pemborong dari kedai-kedai penjaja tepi jalan, pusat pelancongan, pasaraya besar dan kecil.

"Selain jana pendapatan dengan produk kita sendiri, kita juga membuka peluang kepada usahawan kecil, ibu tunggal, suri rumah yang ada produk tapi tak tahu nak pasarkan di mana, jadi kita bantu pasarkan produk mereka."

"Kalau nak kira jenis kuih di sini rasanya lebih 300 kuih-muih yang ada, fokus utama kita adalah memperkenalkan kuih tradisional seperti dodol dan wajik yang dihasilkan sendiri oleh kami," katanya.

LEBAR SAYAP KE CHINA

Katanya lagi, pelanggan yang datang ke

kedainya bukan hanya dari Melaka dan negeri-negeri lain, malah turut mendapat sambutan dari Singapura dan China.

"Seluruh Semenanjung Malaysia kita dah pasarkan produk kita, ada juga ke Singapura... tapi sekarang kita dalam proses untuk eksport produk kita ke China memandangkan rakyat di negara itu sangat minat dengan produk dodol yang dihasilkan."

"Orang Cina ini memang sangat suka makan dodol, bila mereka datang ke sini (kedai) kita bagi dia rasa dodol memang dia akan borong dodol kita terutama dodol durian, jadi kita nampak peluang itu memang ada dekat sana (China)."

"Saya kalau boleh memang nak satu dunia kenal apa itu dodol dan saya nak kekal nama dodol ini, kalau boleh jangan tukar kepada nama yang komersial kerana

ia akan tenggelamkan identiti tradisional," katanya.

SEDIA KHIDMAT LATIHAN

Tambahnya lagi, HamidahKu Industry turut melatih usahawan bimbingan mereka sendiri bagi menghasilkan kuih tradisional yang sukar didapati seperti kuih denderam, cakar ayam, tiram dan kapit.

"Kita akan latih usahawan bimbingan kita hasilkan kuih-kuih tersebut yang sukar untuk didapati di pasaran, kita nak usahawan sendiri pun tidak menang tangan jadi dengan ada 10 usahawan bimbingan kita ia mampu dihasilkan."

"Jadi bila mereka dah pandai dan berjaya hasilkan produk tersebut, kita akan beli produk itu untuk dijual di HamidahKu Industry," katanya lagi.



HAMIDAHKU Industry turut memasarkan pelbagai jenis kerepek keluaran usahawan tempatan. Foto Iqmal Haqim Rosman



ATIKA turut membantu proses penyediaan dodol gula melaka dari awal sehingga pembungkusan. Foto Iqmal Haqim Rosman

MISDEC bimbing lepasan tahfiz bina kerjaya dalam industri halal

Liana Sahabudin

BATU BERENDAM - Pusat Pembangunan Kemahiran Perindustrian Melaka (MISDEC) memperkenalkan program baharu bagi memberi peluang kepada para hufaz lepasan tahfiz membina kerjaya dalam sektor industri halal.

Pengarah Eksekutifnya, Haiqal Syukri Jantan berkata, menerusi program Halal Apprentice Program (HAP), para pelatih akan mengikuti kursus selama enam bulan secara percuma sebelum menerima sijil daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

"Menerusi program ini kita membantu daripada segi menyediakan krew, pembangunan dan penyediaan makanan untuk hotel-hotel. Program ini dibawah Halal Development Corporation (HDC) dan juga mendapat pengiktirafan daripada JPK."

"Mereka akan belajar selama enam bulan di sini, Insya-Allah kita akan sediakan kelengkapan dan insentif yang baik selain mencari peluang pekerjaan untuk mereka."

"Jadi bila tamat kursus mereka

"Se takat ini pihaknya menerima seramai 50 peserta bagi sesi ketiga dan bakal melahirkan hingga 25 tenaga kerja yang sediaberkhidmat dibawah industri tersebut. "

akan mendapat sijil SKM modeller di bawah JPK. Jadi mereka boleh mencari pekerjaan yang lebih baik," katanya ketika ditemui Melaka Hari Ini (MHI) di pejabatnya, di MISDEC di sini, 12 April lalu.

Ujarnya, setakat ini pihaknya menerima seramai 50 kemasukan peserta bagi sesi ketiga dan bakal melahirkan hingga 25 tenaga kerja yang sediaberkhidmat di bawah industri tersebut.

"Kitajuga akan memperkenalkan kursus Halal Technical Expert (HTech) dalam usaha memantapkan lagi sektor halal terutama bagi industri perhotelan di negeri ini.

"HTech ini program untuk hasilkan seorang pelajar yang kompeten untuk bekerja di restoran, hotel lima bintang, bekerja

di industri yang melibatkan halal, farmasi dan pelancongan," kata-nya.

Dalam pada itu, beliau turut mencadangkan agar pemain industri perhotelan di negeri ini agar mempunyai seorang Eksekutif Halal bagi membantu mendapatkan pensijilan halal Malaysia.

Katanya, MISDEC misalnya, mempunyai ramai lepasan graduan dalam industri halal yang kompeten memandangkan pusat latihan itu diiktiraf Majlis Profesional Halal dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), selain telah menjalankan Kursus Eksekutif Produk Halal (EPH).

"Kursus EPH telah disertai seramai 70 pelatih pada 2020-2021 dan daripada jumlah itu, seramai



PENGARAH Eksekutif MISDEC, Haiqal Syukri Jantan. Foto Iqmal Haqim Rosman

49 telah mendapat pekerjaan di dalam pelbagai jawatan dalam Industri Halal, manakala baki 21 orang masih dalam proses mendapatkan peluang pekerjaan yang sesuai.

"Apa yang kita lakukan ini sebagai langkah responsif terhadap

ketegasan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) baru-baru ini memperingatkan kepada para pengusaha hotel yang ingin mengiklankan bufet Ramadan perlu memohon Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM)," katanya.



Setulus Ikhlas Daripada



Yang Dipertua, Ahli Majlis
Dan Warga Kerja Majlis Perbandaran Alor Gajah.

The Maria Hertogh Tragedy:

Karim Ghani's 'moving spirit'



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

THE Tamil newspaper, *Malaya Nanban*, founded in 1940, was published by the Muslim Publishing House and was supported by the Chulia Muslims. Its editor was Karim Ghani, a man with a sense of mission for Islam, and in resisting colonialism. He dreamt the formation of a 'Greater Islamic

Nation' around the Malay Archipelago. Karim looked forward to a Muslim Malaya, mindful of the birth of Pakistan and Indonesia independence.

Karim used journalism, through his newspapers, as the medium for expressing his thoughts and ideas. The other two were the weekly *Dawn* in English, and its Malay version, *Snaran*. All three newspapers were the mouthpiece of "the pioneering reform movement in the Colony as well as in the Federation of Malaya." Karim was fiercely anti-colonial. One instance was condemning the Dutch for interfering in Indonesia's independence.

I have been reading several narratives on Maria Hertogh/Natrah/Nadra; and I noticed a name frequently mentioned, as if directing the story. The persona of Karim Ghani is woven throughout. To be fair, there were many other names like Ahmad Ibrahim (who would later become Attorney-General of Singapura and prominent legal scholar) and Dr.

"Karim's position was to advocate for the colonial government to give due respect to fundamental rights in Islam. He did not want to see Muslims clashing with secular laws."

Burhanuddin al-Helmy. But the name Karim Ghani stood out, the master-mind of the plot.

This essay is based on accounts by Haja Maideen, author of *The Nadra Tragedy: The Maria Hertogh Controversy* (1989). The list of "Dramatis Personae" drawn up by the author also includes Taha Kalu (President of the Malay Nationalist Party), Karim Ghani's confidante and a member of the Nadra Action Committee, Syed Ali Al-Attas (member of the Nadra Action Committee), and M.J. Namazie (Member of the Muslim Advisor Board in Singapura). Karim Ghani, President of the Muslim League, and Chairman of the Nadra Action Committee, was described by Haja Maideen as the 'moving spirit' throughout the agitation.

Meanwhile at 123 Serangoon Road, in a two-storey shophouse where the Muslim Publishing House was housed, a small group gathered, led by Karim Ghani to discuss on the subject of the *tafsir* of the Quran. The ground floor of the shop house was occupied by an old Heidelberg printing machine to bring out the Tamil daily *Malaya Nanban*. Karim's office cum residence was upstairs. According to Haja Maideen, Karim was tall, slender with dark eyes, and unmanageable jet black hair, and would stare "with a hint of fanaticism at the people he spoke to." Described as a linguist and a scholar, Karim has knowledge of and spoke four languages – Arabic, English, Tamil and Urdu.

Born in India, he spent most of life in Rangoon, where he became a Parliamentary Secretary when Dr. Ba Maw was Prime Minister. Later in the War, he arrived in Malaya to become a Propaganda Minister of what had been described as "the Indian Independence Government of S.C. Bose." He was imprisoned when the British re-occupied Malaya, but subsequently released without trial.

According to Haja Maideen, the discussion at Serangoon then took an abrupt turn related to the 'honour of Islam.' This was on the Dutch government's interference on Islamic marriage. Karim's position was to advocate for the colonial government to give due respect to fundamental rights in Islam. He did not want to see Muslims clashing with secular laws. On 6th September 1950, Karim wrote an editorial criticizing the *Singapore Standard* for supporting the Laycock (Marriage) Bill. The Bill, tabled in the Singapore Legislative Council stated that the marriage of a person under sixteen years of age was prohibited regardless of religion. Karim strongly condemned the Bill as an intrusion into the *Syariah*. His spirit was that secular law should not regulate the institution of Muslim marriages.

Karim also realized the effectiveness of protests. He had a two-fold plan in mind. The first was to unite all Muslim organizations,

and the second to organize a huge protest march in the event of an unfavourable judgement against Maria – referring to Huberdina Maria Hertogh's marriage to Mansoor Adabi in early August of 1950. The Dutch girl was 13 years old, and he 22. There was growing concern among Malay-Muslims of the Dutch and English colonial government's interference in the marriage.

Haja Maideen notes that the Muslim name given was Nadra. Karim spelt her name as Natra. Indonesian, Indian and Pakistani newspapers used the name Nadira. Maria's foster mother, Aminah, in her affidavit called her Nadra. And her name appeared as Nadra in legal documents.

In the Serangoon Road gathering, the main issue raised was attempts by the colonial government to nullify the marriage in a secular court. They requested Karim to lead the Muslim community. Meanwhile, Karim started calling Muslim organizations to seek their views on the Nadra case. His random test among the Muslim public showed the community was behind him. The mounting confidence in Karim was confirmed when he telephoned Dr. Burhanuddin: "I am ready for the war." Karim was to become "chief agitator" for Nadra.

Karim Ghani had "effective control" of both the organizations as well as the Malay-Muslim print media. He was conscious of shaping public opinion. He wrote repeatedly that "it would be pure humiliation if the validity of Islamic marriage was questioned in a secular court."

He was detained for 15 months by the Special Branch on 18th December 1950. Fearing that he would resume his activities to incite Muslims in Singapura and Malaya, the British finally banished Karim to Karachi, Pakistan in 1952. There, the 'moving spirit' continued his anti-colonial writings and publications; but felt alone in the wilderness. He passed away not long after. His presence lingers on in the Nadra story.

NEXT WEEK:

The Image of Riau in the Margins of Malay Journalism: The Spirit of Syed Shaykh al-Hady

*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.

THE NADRA TRAGEDY
THE MARIA HERTOGH CONTROVERSY

... the story of Maria Hertogh is a chilling true story of how a tug-of-war turned into an international incident between Europe and Southeast Asia ...

South China Morning Post

HAJA MAIDEEN

HAJA Maideen, author of *The Nadra Tragedy: The Maria Hertogh Controversy* (1989).



19

Ulang Tahun
BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH

**SELAMAT
MENYAMBUT
HARI ULANG TAHUN
BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH**



15 APRIL 2022

Setulus Ikhlas Daripada



Ketua Pegawai Eksekutif, Pengurusan dan
Seluruh Warga Kerja Melaka Hari Ini



www.melakahariini.my



Melaka Hari Ini



Jangan cuba kaut 'duit tepi'

Fiqah Jamal

AYER KEROH - Mana-mana penganjur bazar Ramadan dan Aidilfitri di negeri ini tidak dibenarkan membuat sebarang pungutan bayaran parkir kepada pengunjung.

EXCO Kerajaan Tempatan negeri Datuk Zaidi Attan berkata, pihaknya tidak membenarkan mana-mana pihak atau individu untuk membuat sebarang pungutan yang menjadi beban kepada pengunjung bazar.

Katanya, mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam negeri ini tidak pernah mengeluarkan lesen untuk mengutip bayaran parkir.

"Kita dapat beberapa penganjur bazar di negeri ini khususnya di bazar-bazar mega mengenakan caj bayaran parkir kepada pengunjung dan di sini saya ingin tegaskan PBT tidak pernah membenarkan mana-mana agensi atau individu untuk membuat sebarang pungutan."

"Hal ini kerana kita berpandangan bazar-bazar ini untuk membantu peniaga di negeri ini untuk merancakkan lagi ekonomi negeri dan sebab itu kita tidak meletakkan syarat parkir sebagai syarat bazar Ramadan atau Aidilfitri," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, Zaidi menyifatkan pihak yang membuat pungutan caj parkir itu adalah individu tidak bertanggungjawab dan meminta pengunjung yang dipaksa untuk membayar caj tersebut memaklumkan kepada pihaknya.

"Kita akan ambil tindakan tegas kepada individu atau pihak yang tidak bertanggungjawab ini dan kita minta pengunjung untuk maklum padanya sekiranya perkara sedemikian berlaku," katanya.



GAMBAR hiasan pemandangan Bazar Aidilfitri Jalan Hang Tuah yang menjadi tumpuan pengunjung sepanjang Ramadan ini.

MyICE: Rebut geran RM10,000 ditawar kerajaan

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH - Melaka menaysarkan lebih 100 persatuan yang berdaftar di bawah Jabatan Pendataran Pertubuhan Malaysia (JPPM) merebut geran berjumlah RM1 juta yang ditawarkan menerusi Malaysian Incentive Community Empowerment (MyICE).

Menerusi MyICE setiap persatuan berdaftar sebelum Disember 2021 di bawah empat kategori iaitu kebajikan, keselamatan, hak asasi dan sosial layak memohon geran maksima RM10,000 bagi menjalankan program dan pembangunan kapasiti mengikut syarat ditetapkan.

EXCO Badan Bukan Kerajaan (NGO) Negeri V P Shanmugam berkata, di Melaka sahaja terdapat 1,705 persatuan yang layak memohon geran berkenaan sebaik MyICE mula dibuka 1 Feb lalu.



SHANMUGAM (kiri) bersama Nurhafidah menunjukkan risalah MyICE yang boleh direbut persatuan bagi mendapatkan geran berjumlah RM10,000. Foto Iqmal Haqim Rosman

Bagaimanapun, katanya, setakat 14 April, hanya 46 sahaja persatuan yang memohon MyICE dan daripada jumlah itu, tujuh ditolak, 18 'keep in view' dan hanya 21 yang diluluskan.

"Ia menjadikan masih terdapat sekurang-kurangnya 61 kuota masih kosong dan boleh dimohon oleh mana-mana persatuan di negeri ini.

"Mungkin disebabkan sebelum ini ramai yang beranggapan geran hanya diberikan kepada persatuan penduduk sahaja, sedangkan kali ini geran itu boleh dimanfaatkan persatuan daripada empat kategori yang dinyatakan.

"Kalau boleh kita mahu lebih 100 persatuan memohon MyICE kerana jika melebihi peruntukan

RM1 juta yang diberikan sekali pun, kita masih boleh mendapatkan kuota dari negeri-negeri lain yang mungkin tidak melepas kuota ditetapkan.

"Jadi, saya mohon kepada persatuan yang layak untuk segera memohon menerusi www.eroses.gov.my yang mana permohonan itu perlulah dikemukakan oleh setiausaha pertubuhan dan bukannya secara individu," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media Geran MyICE di Pejabat JPPM Melaka, di sini, 14 April lalu, yang turut dihadiri Pengarah JPPM Melaka Nurhafidah Ali.

Sementara itu, Nurhafidah berkata, setiap persatuan yang hendak memohon geran MyICE perlulah mengemukakan cadangan program yang bersesuaian dengan matlamat asal penubuhan persatuan itu.

Ikatanya, sangat penting memandangkan terdapat banyak permohonan sebelum ini ditolak atas sebab-sebab yang sama.

"Seperti contoh sebuah pertubuhan pencegahan jenayah, tapi mahu anjur kejohanan badminton yang mana ia sudah lari daripada matlamat asal pertubuhan.

"Begitu juga dengan pertubuhan dari kategori keturunan yang mana mereka memang layak memohon, tetapi ada di antaranya memohon untuk menganjurkan Hari Keluarga untuk sewa hotel dan sebagainya. Jadi, seperti ini memang kita tolak kerana ia tidak mempunyai sifat kesukarelawanan.

"Selain itu, kita juga minta semua pertubuhan yang memohon agar tidak menggunakan akaun peribadi untuk mendapatkan geran berkenaan, sebaliknya perlu mendaftar di bawah akaun persatuan," katanya.

Warga Singapura dominasi tempahan hotel di Melaka

Liana Sahabudin

BANDA HILIR - Pembukaan sempadan Singapura sejak 1 April lalu membawa limpahan rezeki buat keseluruhan hotel di Melaka apabila menerima tempahan di luar jangkaan.

EXCO Pelancongan Negeri, Datuk Muhammad Jailani Khamis berkata, beliau mendapati kira-kira 40 peratus tempahan diterima disumbangkan oleh pelancong Singapura.

"Kita sudah minta statis-

tik, (bagaimanapun) semua hotel masih sibuk dengan 'booking' (tempahan), tapi Hotel Ibis di Banda Hilir sahaja menerima 40 peratus tempahan dari warga Singapura.

"Ini sesuatu yang baik dan kita dapat peningkatan tempahan itu tinggi, begitu juga dengan hotel lain sekitar 40 peratus tempahan dari warga Singapura.

"Ada sesetengah hotel menjadi kesukaan warga ini boleh mencapai hingga 80 peratus tempahan hotel, ini bukti sektor perhotelan Me-

laka semakin pulih," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Penyampaian Cenderahati Hari Raya Aidilfitri kepada Wartawan Bergama Islam di Hotel Ibis di sini, 13 April lalu.

Mengulas lanjut, Muhammad Jailani berkata setakat ini beliau tidak menerima sebarang aduan mengenai permasalahan dihadapi pihak hotel sejak sempadan negara dibuka.

"Bila pihak hotel tak ada hubungi saya bising-bising



HOTEL Ibis menerima peningkatan tempahan 40 peratus daripada warga Singapura sebaik pintu sempadan dibuka. Foto MR Azli

maksudnya hotel mereka berada dalam keadaan baik.

"Insya-Allah sektor per-

otelan kita berada dalam keadaan baik, hotel di Melaka berada pada tahap baik

dan tempahan hotel warga Singapura sangat luar biasa," katanya.

KRUBONG HEIGHTS
HAK MILIK KEKAL

Untuk Bumiputera Sahaja

20' x 70'

Rumah Teres 2 Tingkat

4 Bilik Tidur | 3 Bilik Air

06. 337 3333 www.pbrealty.com.my

012. 601 0486 012. 638 4496 012. 698 6255 012. 667 0833 012. 618 7922
Vinz Lee Yen Kelly Ong Sara Siow Zura
012. 661 1682 012. 606 8195 012. 733 0165 012. 606 3165 012. 631 6670 Aqilah
Tammy Ong Sylvia Chew Elynn Un Edwin Chan
IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

Keharmonian tercipta disini...

Taman Krubong Heights merupakan bandar bersepadu yang terulung. Berlokasi di persekitaran yang strategik dan indah. Hartanah unggul yang berprestij dan selektif ini dapat memenuhi citarasa gaya hidup anda.



Watch Interior 360° view >>
<https://krubongheights-bumi.weebly.com/>



Pemaju:
PB REALTY SDN BHD 338851-D

No. 1B, Wisma PB Realty, Jalan PK 8,
Taman Perindustrian Krubong,
75260 Melaka. Fax: 06.336 5678 www.pbrealty.com.my

HAK MILIK KEKAL

20' x 70' Untuk Bumiputera Sahaja

RUMAH TERES 2 TINGKAT

MOLEK RESIDENCE

Watch Interior 360° view >>
<https://molekresidence.weebly.com/>

DIBUKA UNTUK JUALAN

06-337 3333

2.2282773,
 102.3281568

Satu lagi projek berprestij oleh:

Pemaju:
PADUWAN REALTY SDN BHD 81423-H **PB REALTY**

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

*No. lesen Pemaju Perumahan : 12412-9/11-2023/0876(L) • Tempoh Sah : 30/11/2021 hingga 29/11/2023 • No. Permit Iklan & Jualan : 12412-9/11-2023/0876(P) • Tempoh Sah : 30/11/2021 hingga 29/11/2023 • Pihak Yang Meluluskan Pelan : Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya • No Rujukan : MPHTJ/603/08/2019/13 • Tarikh Jangka Siap : Nov. 2023 • Pegangan Tanah : Hak Milik Kekal • Bebanan Tanah : RHB Bank Berhad • Harga Jualan dan Jumlah Unit : RM439,000.00 min. RM710,500.00 maks. (152 unit)

Berkomplot curi gelung tembaga RM42,000



MISPANI menunjukkan gelung tembaga yang dirampas dianggarkan berjumlah RM42,000 pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Jasin. Foto Iqmal Haqim Rosman

'Tok sidang' nafi minta, terima rasuah

AYER KEROH - Seorang bekas Sidang dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Ayer Keroh, 13 April lalu, atas pertuduhan meminta dan menerima rasuah membabitkan pembuangan bahan terlarang tiga tahun lalu.

Tertuduh Zakaria Manap, 60, bagaimanapun mengaku tidak bersalah sejurus kesemuatiga pertuduhan

terhadapnya dibacakan juru-bahasa mahkamah dihadapan Hakim Elesabet Paya Wan.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh didakwa secara rasuah meminta daripada seorang pengarah urusan iaitu wang tunai sebanyak RM 500.

Tindakan itu sebagai dorongan untuk tidak mel-

kukan apa-apa dengan tidak melaporkan kepada Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) atas kesalahan membuang bahan terlarang.

Bagi pertuduhan kedua dan ketiga pula, tertuduh didakwa menerima suatu sumpan RM 500 daripada pekerja syarikat sama untuk tujuan sama.

Berikut itu, tertuduh yang sebelum ini bertugas selama kira-kira dua tahun sebagai tok sidang didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan.

Kesemua kesalahan itu dilakukan tertuduh di Pusat Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Rembia pada 20 dan 21 Jan 2019.

Prosiding pendakwaan dikenalkan Timbalan Pendakwa SPRM Melaka Nur Syakila Yaacob manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah kemudian menetapkan 13 Mei depan sebagai tarikh sebutan semula kes dan lantikan peguam selain dia dibenarkan ikat jamin RM5,000.



ZAKARIA (kiri) ketika dihadapkan ke mahkamah Mahkamah Sesyen Ayer Keroh atas pertuduhan meminta dan menerima rasuah.

Siti Salehah

JASIN - Tigalelaki termasuk seorang pengawal keselamatan ditahan bagi membantu siasatan berhubung kehilangan 21 gelung tembaga dianggarkan bernilai RM42,000 dari sebuah tapak pembinaan.

Ketua Polis Daerah Jasin Deputi Superintendant Mispani Hamdan berkata, kehilangan 21 gelung tembaga berkenaan disedari juruterapak pembinaan itu kira-kira jam 10 pagi, 7 April lalu dan laporan berhubung kejadian dibuat pada hari yang sama.

Beliau berkata, berdasarkan maklumat diterima, gelung tembaga berkenaan disimpan di dalam kontena di tapak pembinaan berkenaan sejak sebulan lalu.

"Susulan laporan diterima kami melakukan tangkapan pertama jam 10 pagi pada 8 April, membabitkan suspek berusia 35 tahun iaitu pengawal keselamatan bertugas di tapak pembinaan berkenaan.

"Dua lagi suspek berusia 31 dan 34 tahun iaitu bekas pengawal keselamatan di tapak pembinaan berkenaan dan seorang lagi yang tidak bekerja ditahan sekitar daerah ini hari yang sama," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Jasin, di sini, 11 April lalu.

Beliau berkata, berdasarkan maklumat diperoleh daripada suspek pihaknya ke sebuah premis membeli barang terpakai di Batu Berendam dan berjaya menemui semula empat gelung tembaga dilaporkan hilang.

"Suspek menjual empat gelung tembaga berkenaan pada harga RM6,000 namun siasatan mendapat setakat ini baru separuh dari jumlah bayaran diterima.

"Siasatan lanjut masih dijalankan bagi mengesan 17 lagi gelung tembaga yang turut dilaporkan hilang," katanya.

Mispani berkata, peniaga barang terpakai berusia 41 tahun yang membeli gelung tembaga itu turut dikenakan tindakan kompaun kerana tidak memiliki lesen untuk berniaga.

"Semakan lanjut dilakukan mendapat kesemua tiga suspek mempunyai rekod lampau antaranya membabitkan kesjenayah dan dadah."

"Kesemua mereka direman lima hari bagi membantu siasatan lanjut mengikut Seksyen 457 Kanun Keseksaan," katanya.



KENYATAAN SEBUTHARGA PERBADANAN KETUA MENTERI MELAKA (CMI)

12 APRIL 2022

SUBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN PEJABAT, KAWASAN DAN PENYELENGGARAAN RUMAH MELAKA MELAKA MITC, AYER KEROH, MELAKA MILIK PERBADANAN KETUA MENTERI MELAKA BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

1. KENYATAAN AM / TAWARAN

1.1 Sebutharga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang mempunyai Sijil Kementerian Kewangan Malaysia dan bertaraf bumi putera dalam kod bidang 221001, 221002 dan 221003 dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini untuk Sebut Harga berikut:-

| TAJUK | SYARAT PENDAFTARAN | TARIKH, MASA DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK | HARGA DOKUMEN | TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL | TARIKH, MASA DAN TEMPAT SEBUTHARGA DITUTUP |
|---|---|--|---------------|---|--|
| PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN PEJABAT, KAWASAN DAN PENYELENGGARAAN LANSKAP DI BANGUNAN RUMAH MEDIA MELAKA, MITC, AYER KEROH, MELAKA MILIK PERBADANAN KETUA MENTERI MELAKA BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN | Masih sahluh berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Kementerian Kewangan Malaysia bertaraf bumi putera | 19 April 2022 Jam 10.00 pagi Blok A, Bangunan Rumah Media Melaka (Kehadiran ke taklimat adalah diwajibkan) | RM 30.00 | Kaunter Perbadanan Ketua Menteri Melaka Aras Bawah, Menara MITC, Jalan Konvensyen, Kompleks MITC, Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka Mulai 19 April 2022 hingga 27 April 2022 pada waktu pejabat | 27 April 2022 Sebelum 12.00 tengah hari Perbadanan Ketua Menteri Melaka Aras Bawah, Menara MITC, Jalan Konvensyen, Kompleks MITC, Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka Sebutharga yang lewat diterima tidak akan dilayan |
| | DI BAWAH KOD BIDANG 221001 -PEMBERSIHAN BANGUNAN & PEJABAT 221002 -MEMBERSIH KAWASAN DAN 221003 -MENGANGKAT SAMPAH | DIBAWAH KOD BIDANG 221001 -PEMBERSIHAN BANGUNAN & PEJABAT 221002 -MEMBERSIH KAWASAN DAN 221003 -MENGANGKAT SAMPAH | | | |
| | | | | | |

- 1.2 Hanya penama syarikat yang sah sahaja diwajibkan menghadiri taklimat untuk perkhidmatan ini dengan membawa SIJIL-SIJIL ASAL Perakuan Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Kementerian Kewangan Malaysia.
1.3 Dokumen Sebutharga hanya akan dijual kepada syarikat yang menghadiri taklimat dengan mengemukakan satu salinan bagi setiap sijil semasa membeli Dokumen Sebutharga. Bagi yang menghantar wakil semasa membeli Dokumen Sebutharga hendaklah membawa bersama surat wakil yang asal.
1.4 Sebut Harga yang lewat diantar tidak akan diterima / dilayan. CMI tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada Sebut Harga yang diantar.
1.5 Semua keterangan mengenai Sebut Harga ini atau butir-butir lengkap mengenai syarat-syarat dan penentuan bekalan/perkhidmatan perlu dikemukakan bersama-sama dokument ini.
1.6 Tawaran akan ditolak sekiranya gagal memenuhi mana-mana syarat dalam dokumen Sebut Harga.
1.7 Asas-asas penilaian terhadap tawaran sebut harga termasuklah perkara-perkara berikut :-
a) Memenuhi kesemua syarat dan skop kerja / spesifikasi yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga;
b) Keupayaan / kemampuan penyebut harga seperti pengalaman kerja yang lepas, prestasi kerja / kontrak semasa, projek yang sedang dilaksanakan / dalam tangan;
c) Kemampuan kewangan penyebut harga;
Pihak CMI berhak menamatkan perkhidmatan/bekalan yang diberikan oleh syarikat pada bila-bila masa sekiranya :-
a) Tidak mematuhi skop kerja;
b) Tidak memenuhi kriteria yang telah dipersetujui;
c) Tidak mengikuti spesifikasi yang ditetapkan.
Dokumen Sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri serta berlitis No Sebutharga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga disediakan di Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI), Aras Bawah Menara MITC, Jalan Konvensyen, Kompleks MITC, Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka

'Saya Moyang, sayalah mak dan ayah'



AWA bersama cicitnya yang mempunyai masalah usus ketika ditemui di kediamannya di Kampungku Sayang.

Faiz Hasan

BUKIT KATIL - Selagi ada kudrat dikandung badan, seorang moyang berusia 79 tahun tekad membesarakan lima cicitnya sehingga akhir hayat.

Awa Minhat, yang menetap di Kampungku Sayang, di sini, mengakui masih mampu menjaga enam cicit berusia 7 hingga 19 tahun yang telah dijaganya sejak kecil lagi meskipun menghadapi penyakit kencing manis.

Katanya, tidak seperti kanak-kanak lain, cicitnya berdepan dugaan apabila keretakan rumah tangga memusnahkan impian mereka merasai kasih sayang insan digelar ibu dan bapa.

Katanya, sejak berpisah, ibu kandung cicitnya itu telah mempunyai keluarga baharu, manakala ayah mereka pula sedang menjalani hukuman di Penjara Lipat Kajang, Jasin.

Meskipun hidup bebekalan pencen RM1,000 sebagai bekas atendan Hospital Melaka, ia bukan penghalang Awa untuk meneruskan kudratnya menjaga cicitnya yang menggelarkannya sebagai 'mak' sejak kecil lagi.

“Se kura ng-kura ng nya dapat mengembira kan mereka yang se kian lama tak dapat merasa nikmat beraya bersama kedua ibu bapa”

"Salah seorang daripada cicit saya ada yang menghidap masalah usus dan terpaksa menjalani rawatan susulan di hospital sekali atau dua kali sebulan hingga menyebabkan adakala tidak dapat hadir kesekolah.

"Saya mengambil tugas untuk menjaga mereka memandangkan ibunya mempunyai keluarga baharu selain nenek mereka telah lama meninggal dunia akibat kanser payudara.

"Saya pernah cakap kepada mereka, kalau hendak ikut ibu kandung saya tak menghalang, tapi masing-masing tidak mahu dan mereka rela tinggal bersama di rumah ini walaupun banyak kekurangan.

"Lagipun ibunya telah berkahwin baharu dan mereka anggap sayalah mak, nenek juga ayah, malah sejak

kecil mereka panggil saya dengan panggilan mak," katanya ketika ditemui di kediamannya 9 April lalu.

Mengenang Syawal yang bakal tiba, Awa kelihatan sebak, namun dia berjanji akan memastikan sambutan perayaan itu tetap dirasai.

Kudrat si tua itu akan cuba menyenangkan cucunya biarpun Syawal yang disambut serba sederhana dan akan cuba memastikan cicitnya dapat menarung baju raya baharu.

"Ada wang atau tidak, saya akan berusaha juga untuk memberikan mereka baju raya seorang sepasang.

"Sekurang-kurangnya dapat menghiburkan mereka yang sekian lama tak dapat merasai nikmat beraya bersama kedua ibu bapa," katanya.

**Ulang Tahun
BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH**

19

**Selamat Menyambut Ulang Tahun
BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH**

Setulus Ikhlas Daripada

Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka
Melaka River and Coastal Development Corporation

PPSPM

Ahli Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif & Seluruh Warga Kerja Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka

Tak salah caj 60 sen upah potong ayam

Siti Salehah

PENGKALAN BATU - "Tindakan ini bukan suka-suka sebaliknya untuk meringankan beban kami susulan pelaksanaan harga kawalan ditetapkan kerajaan," kata peniaga ayam Ke Jok Kwee.

Di berkata demikian susulan kesepakatan peniaga ayam di Pasar Besar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Bachang, di sini, mengenakan caj tambahan RM0.60 sebagai upah keatas pembeli yang ingin memotong ayam.

Menurut Jok Kwee, sepanjang 45 tahun bermiaga ini kali pertama caj memotong ayam dikenakan kepada pembeli memandangkan keuntungan diperoleh amat tipis berikutan harga kawalan ayam RM8.90 satu kilogram (kg).

"Disebabkan kenaikan harga dedak kami turut terkesan apabila kini pemborong dan peladang mula mengenakan caj pengangkutan. Kini harga tidak dapat dinaikkan lagi



PENIAGA ayam di Pasar Besar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) sepakat mengenakan caj tambahan RM0.60 sebagai upah keatas pembeli yang ingin memotong ayam.

sebab harga kawalan malah caj pengangkutan pula dikenakan.

"Saya bermiaga sudah 45 tahun tidak pernah ada caj tetapi kali ini terpaksa," katanya yang juga Timbalan Pengurus Persatuan Peniaga

Pasar MBMB Bachang.

Perkara sama turut disuarakan peniaga Hanafi Md Amin, yang mengatakan harga RM8.90 bagi satu kg ayam dianggap sudah tidak relevan menyebabkan upah caj pemotongan ayam RM0.60 dikenakan.

tongan ayam RM0.60 dikenakan.

"Kalau kita naikkan harga akan dikompaun jadi dengan caj ini sedikit sebanyak dapat membantu kami peniaga.

"Dengan harga sekarang un-

tung hanya kira-kira 20 sen, bagaimana peniaga hendak tumpang kos api, air dan upah pekerja," kata-nya.

Menurutnya, peniaga sedikit sebanyak dapat menarik nafas lega apabila kebanyakannya pembeli faham dengan caj dikenakan dan tidak mempersoalkannya.

Sementara itu, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Norena Jaafar berkata, tindakan mengenakan caj pemotongan ayam oleh peniaga tidak salah kerana ia adalah upah untuk perkhidmatan.

"Ini terpulang kepada pembeli sama ada bersetuju atau tidak kerana bukan paksaan. Jika mereka hendak potong maka dia bersetuju untuk bayar caj RM0.60.

"Contohnya sama seperti kita beli gas, kalau minta dihantar ke rumah pasti dikenakan caj, jadi ini caj tambahan yang penjual tawarkan kepada pembeli," katanya.



KUMPULAN ketuk-ketuk sahur bermain alat muzik di Kampung Bukit Piatu.

Sahur di Bukit Piatu kembali meriah

Siti Salehah

DUYONG - Dua tahun sepi akibat pandemik COVID-19, namun Ramadan kali ini kembali 'riuh' dengan tradisi 'ketuk-ketuk sahur' kembali memecah hening bagi mengejutkan penduduk kampung bersahur.

Tradisi ini dikatakan sudah diwarisi sejak 75 tahun lalu oleh penduduk Kampung Bukit Piatu dan membabitkan semua peringkat umur.

Kumpulan ini bukan hanya memainkan lagu seperti Ali Baba ataupun Madu Tiga malah turut diselitkan lagu raya terkini disamping menggunakan alatan tradisional antaranya seruai, gong dan juga kompong.

Penduduk kampung Normah Senin, 66, berkata, pengajuran kali ini amat bermakna selepas terhenti seketika akibat Perintah Ka-

walan Pergerakan (PKP).

Katanya, dengan adanya ketuk-ketuk sahur ini ia dapat mengembalikan zaman ketika kanak-kanak.

"Seumur 65 tahun saya, tahun ini memang terasa ke lainannya, dengan riuh bunyi alunan alat muzik, betul-betul terkenang waktu kanak-kanak dulu.

"Tidak kira tua, muda semua sama-sama dan rasanya tradisi ini sudah susah hendak jumpa," katanya.

Bagi peniaga Norlila Kassim, 46, pula berkata, pengajuran ini bukan sahaja dapat mengeratkan hubungan sesama penduduk kampung malah anak-anak muda mempunyai aktiviti berfaedah untuk dilakukan.

"Bukan sahaja memudahkan orang kampung hendak bangun sahur malah anak-anak mudaini ada aktiviti berfaedah untuk dilakukan.

"Seronok dan teruja apabila tiba Ramadan kerana suasana riuh rendah itu bunyi ketukan alat muzik memang ditunggu-tunggu selain memberi kepuasan," katanya.

Sementara itu, Pengurus Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Bukit Piatu, Ramli Awang berkata, aktiviti itu memang ditunggu-tunggu ramai khususnya penduduk kampung.

"Kumpulan ini akan masuk ke setiap lorong rumah dan menggunakan alatan muzik berbanding dulu yang hanya gunakan tin ataupun baldi.

"Aktiviti ketuk-ketuk sahur di kampung ini saban tahun diadakan. Tahun ini Alhamdulillah amat meriah dengan kesungguhan anak muda yang menjayakannya antara jam 3 hingga 5 pagi," katanya.

Buluh mahal bukan punca harga lemang naik

Faiz Hasan

MASJID TANAH - "Kalau nak kaitkan dengan buluh, memang harganya naik. Dulu kita boleh dapat sekabung dalam RM1.50 tapi sekarang RM2 hingga RM2.50.

"Kalau harga beras pulut pula ia lebih kurang antara RM46 hingga RM50 buat 10 kilogram (kg) dilihat naik begitu ketara kali ini," kata peniaga lemang Zainurah Abdul Aziz, 62.

Dia berkata demikian bagi menjawab dakwaan kononnya kenaikan harga buluh antara faktor mempengaruhi kenaikan harga lemang.

Katanya, antara punca kenaikan harga lemang pada ketika ini ialah disebabkan harga barang mentah yang melambung di pasaran seperti beras pulut, kelapa, daging dan ayam.

"Disebabkan itu, demi kurangkan kos, kami pergi sendiri ke rumah penjual untuk ambil buluh barulah dapat harga murah seperti RM3 buat sebatang buluh yang

mempunyai kira-kira lapan kabung buluh," katanya.

Biarpun harga lemang naik Zainurah mengakui tahun ini sambutan amat menggalakkan dan menjadikannya boleh mencapai lebih 1,000 batang pada hari mantai Aidilfitri nanti.

Sementara itu, peniaga lemang di Jalan Hutan Simpan Sungai Udang, Samsur Salleh, 44 turut senada yang menyifatkan kenaikan harga tidak disebabkan buluh semata-mata.

Meskipun ditekan dengan kenaikan harga barang mentah, Samsur bagaimanapun tetap menjual lemangnya pada harga sekitar RM8 hingga RM25 sebatang bergantung kepada saiz.

"Kenaikan kali ini juga bukan pada harga barang mentah tapi kayu api yang dijual pun naik mendadak sehingga RM300 buat selori kayu getah yang dipotong nipis.

"Kita akui harga barang mentah memang naik sehingga kita terpaksa naikkan juga harga rendang namun permintaan masih tetap sama seperti dahulu," katanya.



ZAINURAH (duduk), usahawan lemang sejak lebih 40 tahun lalu meneruskan perniagaan keluarga dibantu anaknya, Norita Ismail, 37 di Jalan Lendu, Masjid Tanah.

Baju raya percuma di Butik Rakyat

Fiqa Jamal

KLEBANG - Butik Rakyat 3.0 Keluarga Malaysia yang berkonsepkan pemberian pakaian raya secara percuma menyasarkan sehingga 25,000 pengunjung pada tahun ini.

Pengerusinya, Ashwad Abd Rahim, 30 berkata butik rakyat yang memasuki tahun ketiga penjanjuran itu menawarkan pakaian terpakai kepada semua golongan tanpa mengira usia.

Katanya, sasaran lebih ramai pengunjung ditetapkan selepas mengambil kira negara memasuki fasa endamik dan selepas dua tahun tidak menyambut hari raya akibat pandemik COVID-19.

"Jadi tahun ini kita tambah stok pakaian kerana kita tahu semua orang akan menyambut Aidilfitri selepas dua tahun tidak dapat menyambutnya secara bersamaan."

"Tahun ini kita membenarkan setiap pengunjung untuk mengambil tiga helai pakaian berbanding tahun lalu hanya dua pasang sahaja dibenarkan."

"Memasuki fasa endamik ini, kita lihat butik ini semakin hari semakin ramai yang berkunjung dan kita alu-alukan golongan rentan yang memerlukan kerana pa-



PENGUNJUNG memilih pakaian yang diberikan secara percuma di Butik Rakyat Keluarga Malaysia 3.0 di RUTC, Klebang. Foto Iqmal Haqim Rosman

kaian-pakaian yang diberi ini semua masih cantik dan tidak lusuh," katanya dalam sidang media Butik Raya 3.0 Keluarga Malaysia yang diadakan di Pusat Transformasi Luar Bandar

(RUTC) Klebang.

Mengulas lanjut, Ashwad berkata butik rakyat itu turut menambah bilangan kasut terpakai pelbagai saiz sebanyak 1,500 pa-sang buat pengunjung.

Selain itu ujarnya, pihaknya turut akan memberikan sekampit beras seberat lima kilogram kepada pengunjung yang datang.

"Objektif butik ini jelas, kita buat butik ini untuk memberikan

kelengkapan menjelang Aidilfitri kepada golongan kurang berke-mampuan untuk sama-sama dapat merasa hari raya.

"Kelainan tahun ini juga kita bawakan Medic Clinic setiap Sabtu dan Ahad pada masa sepanjang butik beroperasi, buat pengunjung atau penduduk untuk membuat pemeriksaan kesihatan yang juga secara percuma," katanya.

Sementara itu, ibu 10 anak, Rubiah Yaamat, 42, berkata, setiap tahun dia memang menanti-kan pengajuran program berkenaan yang mampu membantunya berjimat banyak setiap kali menjelang Aidilfitri.

Katanya, baju yang ditawar-kan juga masih cantik dan kelihan-tan seperti baharu, malah anak-anak pun terlihat gembira apabila dapat baju baharu pada raya nanti.

"Hari ini saya bawa anak empat orang sahaja, dan setiap seorang dapat tiga helai baju, anak yang lain esok atau minggu depan saya bawa untuk 'shopping' baju raya.

"Saya cakap pada anak-anak saya, tahun ini kita dapat merasa raya bila masing-masing dapat saya beri baju raya hasil dari Butik Rakyat ini," ujarnya gembira.

MAMEE

Selamat Menyambut Ulang Tahun
BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH

Ulang Tahun
BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH

19

MAMLUK

MAMEE SURRRP!

MAMEE MONSTER

MISTER POTATO

DOUBLE DECKER

Cornetto

nutrigen

Cheers

MAMEE Chef

Mamee-Double Decker (M) Berhad
Lot 1, Air Keroh Industrial Estate, 75450 Melaka, Malaysia. Tel: +606-232 4466/232 4469 Fax: +606-232 9696
www.mamee.com

Kerawon, tiwol juadah 'eksklusif' buka puasa



ATIQAH Mesri menunjukkan Tiwol (kiri) dan Kerawon (kanan) yang dijual.

Siti Salehah

AYER MOLEK - Meskipun tidak sepopular Nasi Ambeng namun hidangan tradisional masyarakat Jawa iaitu kerawon dan tiwol mempunyai peminatnya yang tersendiri.

Dua hidangan ini dikatakan 'eksklusif' buat penggemarnya kerana amat jarang dijual di gerai mahupun pasar seperti Nasi Ambeng sebaliknya hanya dihidangkan pada majlis keraian atau atas permintaan sahaja.

Kerawon atau juga dikenali sebagai keluhan adalah sejenis kerabu yang disediakan daripada ulam-ulaman seperti daun cekur, pegaga, pucuk ubi, taugeh dan kelapa yang diparut.

Manakala tiwol pula adalah hidangan yang dimasak daripada tepung ubi kayu dan digaul bersama

kelapa parut.

Bagi peniaga bazar Ramadan Atiqah Mesri, 32, berkata, percubaannya menjual Kerawon dan Tiwol nyata mendapat sambutan diluar jangkaan.

Dia yang pertama kali mencuba nasib bermula di bazar Ramadan berkata, mereka bersetuju untuk menjual dua hidangan berkenaan selepas ibunya Siti Hawa Katam, 69, ditawarkan tapak untuk bermula makanan Jawa di tapak bazar Ramadan Dataran Persatuan Warisan Anak Jawa (PERWAJA).

"Pada mulanya risau juga kerana fikir orang tidak akan beli kerana ramai tidak tahu makanan orang Jawa, lebih lagi orang muda sekarang ini."

"Disebabkan penyediaan yang agak rumit untuk kedua-dua makanan ini jadi kuantiti yang dijual juga terhad malah ada pelanggan yang terpaksa pulang tangan kosong," katanya.

Atiqah juga aktif dalam aktiviti pembuatan kuih dan kek berharap idea menjual dua hidangan itu bersama. Nasi Uduk dapat mempopularkan semula hidangan tradisi orang Jawa.

"Boleh dikatakan ia 'rare' kerana payah untuk jumpa kecuali kalau ada majlis dalam kalangan orang Jawa."



NOOR Azman menunjukkan punten yang mendapat sambutan hangat di bulan Ramadan.

ramai apabila setiap hari jualannya habis dijual.

"Punten ini secara luaran sama seperti nasi impit tetapi ia dimasak bersama santan dan dimakan bersama sambal."

"Memang dapat sambutan kerana jarang ditemui dijual diluar, Alhamdulillah setiap hari boleh katakan 20 bekas terjual habis," katanya.



ATIQAH Mesri (kanan) bersama ibunya (tengah) menunjukkan hidangan dijual digerainya.

TANJUNG BRUAS PORT

A Member of MMC Group

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa daripada Syarikat/Firma Tempatan yang berkelayakan dan berpengalaman untuk melaksanakan kerja-kerja berikut:

| NO. | TAJUK/NO. TAWARAN | PENDAFTARAN | HARGA DOKUMEN TAWARAN | LAWATAN TAPAK/TAKLIMAT TAWARAN | TARIKH & MASA TENDER DITUTUP |
|-----|---|---|--|--|--|
| 1. | TENDER NO. TBP/2/2022 THE LEASE OF ONE (1) UNIT 250 TON CRAWLER CRANE INCLUDING PADDING, MAINTENANCE AND OPERATOR FOR TANJUNG BRUAS PORT, TANJUNG KLING, MELAKA | Berdaftar Dengan Tanjung Bruas Port Sdn Bhd | Harga Dokumen Tawaran: RM1,000.00 senaskhah (Tidak Dikembalikan) | Taklimat Tarawan dan Lawatan Tapak akan diadakan pada 21 April 2022 (Khamis) pada pukul 11.00 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat, Pejabat Pentadbiran, Tanjung Bruas Port Sdn Bhd, Tanjung Kling, Melaka. | Dokumen Tarawan dijual pada 18 April 2022 (Isnin) sehingga 2 Mei 2022 (Isnin). Tarikh tutup tawaran pada 9 Mei 2022 (Isnin) @ 12.00 tengah hari. |

Dokumen tawaran boleh disemak dan diperolehi pada waktu pejabat dari Pejabat Pentadbiran, Tanjung Bruas Port Sdn Bhd, 76400 Tanjung Kling, Melaka. Bayaran hendaklah dibuat secara Tunai atau Bank Draft atas nama Tanjung Bruas Port Sdn Bhd. Permohonan melalui pos tidak akan dilayan.

Dokumen tawaran hanya akan dikeluarkan kepada wakil Syarikat/Firma yang sah sahaja.

Dokumen tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dialamatkan kepada Pengurus, Jawatankuasa Tawaran, Tanjung Bruas Port Sdn Bhd, 76400 Tanjung Kling, Melaka dan dikurier atau dimasukkan ke dalam kotak tawaran yang disediakan di Pejabat Pentadbiran, Tanjung Bruas Port Sdn Bhd, Tanjung Kling, Melaka. Tanjung Bruas Port Sdn Bhd tidak akan bertanggungjawab ke atas dokumen yang tidak diterima dan dokumen yang diterima lewat.

Sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut berhubung dengan tawaran ini bolehlah menghubungi Jabatan Perolehan (UP: Ms Kartini Shafie) menerusi nombor telefon 019-7070492.



STR-SOLUTION
STR VIRUS STERILIZER



Adakah SV STERILIZER akan membunuh covid-19 dan mencegah penyebaran imbas untuk menonton kisah benar.

Kami mengambil berat kesihatan dan keselamatan anda. Kesihatan adalah kekayaan terhebat, tiada apa yang lebih penting daripada kesihatan dan keselamatan keluarga anda. SV STERILIZER merupakan hadiah yang paling berharga untuk ibu bapa dan anak anda.

6 ciri-ciri unik STR VIRUS STERILIZER :

- 1 SV STERILIZER ialah pensteril udara ✓, bukan pembersih udara X .
👉 Hanya SV STERILIZER boleh menghapuskan virus dan kuman dengan cepat.
- 2 SV STERILIZER bebas daripada bahan kimia X .
👉 SV STERILIZER sememangnya selamat kerana ia tidak mengandungi sebarang bahan kimia.
- 3 SV STERILIZER boleh meningkatkan kecergasan paru-paru dan meningkatkan imuniti badan jika digunakan dalam jangka masa panjang ✓ .
👉 Penyelamat kepada penyakit paru-paru dan kulit, hidung sensitif, bronkitis dan asma.
- 4 SV STERILIZER pilihan utama kalangan masyarakat dan pusat perubatan ✓ .
👉 Mencegah jangkitan maut dan kesan kesihatan jangka panjang.
- 5 SV STERILIZER meningkatkan sistem imuniti sekeluarga ✓ .
👉 Mencegah kelompok jangkitan dengan hanya sebuah SV STERILIZER serta melegakan keimbangan sekeluarga.
- 6 Pensteril udara yang paling berkesan dan selama 100 .
👉 Hanya SV STERILIZER boleh memberi perlindungan kepada anda!

GOLD SEEDER INTERNATIONAL SDN. BHD.

(Registration No: 201901020074)

33-01-20, 33rd Floor, Menara Keck Seng,
203 Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur, Malaysia
Email: enquiry@gsint.com.my Website: www.gsint.com.my.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :

Office Number : +603 - 2116 5673
Contact Number: +6011 - 3968 2862
+6016 - 663 2377

Tahniah
Kepada
Gold Seeder International Sdn Bhd

Di atas penganugerahan
Nanyang
Entrepreneur Award 2021
Emerging Enterprise Award
(Science, Technology and Innovation)



Sukan

MELAKA HARI INI



KONTINJEN Melaka pada SUKMA 2018 di Perak.

SUKMA XX Melaka hantar 500 atlet

Mohamad Fazrul Abdul Majid

SERAMAI 500 atlet dijangka akan dihantar pada Sukan Malaysia Edisi ke-20 (SUKMA XX, MSN 2022) yang dijadual berlangsung di Lembah Klang, Sept depan, kata EXCO Sukan Negeri V P Shanmugam.

Beliau berkata, jumlah kontinjen yang dihantar itu meningkat berbanding edisi terdahulu berikutan terdapat 31 jenis sukan dijangka akan dipertandingkan.

"Jadi buat masa ini persiapan telah bermula yang mana kita telah memanggil semua persatuan-persatuan sukan negeri untuk mempersiapkan atlet-atlet kita.

"Kita mahu, persatuan-persatuan ini membariskan atlet yang benar-benar layak dan boleh menyumbang pingat kepada negeri."

"Kalau boleh, kita minta sangat agar atlet-atlet kita dijaga sebaiknya supaya mereka tidak terlepas di tangan negeri-negeri lain terutamanya membabitkan mereka yang bekerja atau merantau di negeri lain atas faktor pelajaran

dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita dalam sidang media Malaysian Incentive Community Empowerment (MyICE) di Pejabat Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) melaka, di sini, 14 April lalu.

Mengulas lanjut, Shanmugam yang juga EXCO Belia dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) berkata, sasaran pingat pada edisi kali ini turut dinaikkan dengan menyasarkan peningkatan 10 peratus berbanding pencapaian di Perak pada 2018.

Katanya, beberapa sukan juga akan diberi tumpuan, khususnya sukan yang diyakini mampu menghadiahkan kilauan pingat buat negeri.

"Antara sukan yang kita lihat bagus sejak akhir-akhir ini ialah seperti sepak takraw."

"Selain itu, kita juga memberi tumpuan kepada sukan renang dan wushu yang boleh memungkinkan kita meraih pingat pada temasya itu nanti," katanya.

Untuk rekod, pada edisi lalu, Melaka berjaya mengutip 18 pingat emas, 18 perak dan 18 gangsa.

Melaka United masih harmoni

KELAB Bolasepak Melaka United (Melaka United FC) masih berada dalam suasana harmoni meskipun terpalit dengan beberapa kontroversi sebelum ini.

Pengurus Pasukan Muhammad Akram Abdullah berkata, walaupun dikaitkan dengan beberapa isu seperti tunggakan gaji dan berita ketua jurulatih, Risto Vidakovic ditamatkan kontrak, ia tidak menjelaskan rentak dan mentah pasukan menghadapi saingan Liga Super.

"Tidak timbul soal keharmonian atau tidak di dalam pasukan Melaka United kerana isu tunggakan gaji sehingga tigabulan seperti yang tular adalah tidak benar."

"Hubungan di antara ahli-ahli pasukan dilihat kekal harmoni sama ada di dalam maupun di luar padang dan semangat pemain ketika ini dilihat cukup tinggi untuk menghadapi saingan Liga Malaysia," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Baru-baru ini, Melaka United terpalit dengan dakwaan tunggakan gaji sehingga tiga bulan seperti yang dimaklumkan Vidakovic dalam sidang media selepas kekalahan pada aksi menentang Sabah FC di Stadium Hang Jebat 5 April lalu.

Bagaimanapun, Ketua Pegawai Eksekutif Melaka United Datuk Seri Justin Lim tampil menjelaskan tunggakan gaji pe-

main hanyalah sebulan dan ia sudah dilunaskan sebelum aksi menentang Kuala Lumpur City FC pada 9 April lalu.

Tidak lama selepas itu, media melaporkan Vidakovic telah ditamatkan kontrak atas persttujuan bersama susulan prestasi hambar pasukan yang hanya mencatat satu keputusan seri dan tiga kekalahan dalam empat aksi awal Liga Super musim 2022.

Difahamkan tugas Vidakovic diambil alih pendongnya, Mohd Asri Ninggal.

AKSI bersahaja Norshahrul Idlan Talaha (kiri) ketika meraikan jaringan pada perlawanan Piala FA menentang PIB FC.
(Foto: Melaka United FC)

